e-Buletin
Diterbitkan sejak 1932
ماجوتن
# MAJUTAN
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
EDISI JAN-JUN 2025 UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN www.forestry.gov.my



## PROGRAM PENANAMAN DUA (2) JUTA POKOK DI NEGERI KEDAH




## PROGRAM NAKAWAN *RAINFOREST* FESTIVAL SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2025




## UPACARA PELUNCURAN PENGUATKUASAAN AKTA A1667 / KAEDAH-KAEDAH PERHUTANAN NEGARA (WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2025 DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN PENGGUNAAN SISTEM IPAYMENT DI TAMAN EKO-RIMBA (TER) KUALA LUMPUR

# SIDANG REDAKSI MAJUTAN 2025

**PENASIHAT**

YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

**PENGERUSI**

YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
(Dasar dan Perancangan)

**KETUA PENGARANG**

YBrs. Encik Muhamad bin Abdullah

Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

**Jawatankuasa Majutan 2025**

- Puan Nor Halizah binti Abd Halim
- Puan Ainina Khairunnisa binti Othman
- Encik Mohd Shafiq bin Abdul Latif @ Ismail
- Encik Leonardo Kelly bin Maluni

**Wakil Jawatankuasa Negeri**

- Puan Asfaezzah binti Ab Karim (JPN Johor)
- Puan Razlina Ermi binti Rejab (JPN Kelantan)
- Puan Fatin Afiqah binti Roslan (JPN Kedah)
- Encik Mohd Shahril Nizam bin Mat Ali (JPN Melaka)
- Puan Nurul Shasheila binti Abdul Mutalib (JPN Negeri Sembilan)
- Puan Wan Zaizielawany binti Wan Muhamad Zin (JPN Pahang)
- Encik Muhammad Asyraf bin Zainul (JPN Perak)
- Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti (JPN Perlis)
- Puan ST Rabiatul Adawiyah binti Fauzi(JPN Pulau Pinang)
- Puan Debora Belawan (JPN Selangor)
- Puan Siti Khatijah binti Othman (JPN Terengganu)
- Encik Firdaus bin Mohd Rajis (JP Wilayah Persekutuan)



## Kata Alu-aluan Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kehadrat Ilahi, dengan keizinan-Nya, e-buletin MAJUTAN Edisi Januari-Jun 2025 dapat disiapkan dan diterbitkan. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi yang telah diberi tanggungjawab serta menunjukkan komitmen sepanjang proses menyiapkan e-buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua warga JPSM yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Penerbitan e-buletin ini adalah penting sebagai salah satu platform bagi perkongsian aktiviti-aktiviti yang dijalankan di peringkat Ibu Pejabat JPSM, JPN, dan Persatuan di JPSM. Pada tahun ini, terdapat banyak aktiviti utama yang melibatkan JPSM antaranya adalah Program Penanaman Pokok Dua (2) Juta di Negeri Kedah, Program Nakawan Rainforest Festival Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis Tahun 2025, Upacara Peluncuran Penguatkuasaan Akta A1667 / Kaedah-Kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 Di Wilayah Persekutuan Dan Penggunaan Sistem IPAYMENT Di Taman Eko-Rimba (Ter) Kuala Lumpur serta aktiviti-aktiviti lain.

Akhir kata sekali lagi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak kerana telah berjaya melaksanakan aktiviti yang telah dirancang dengan jayanya selaras dengan visi serta misi jabatan untuk menjadi sebuah agensi yang terunggul sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**Wakil Jawatankuasa Bahagian/Unit/Persatuan/Kelab**

- Puan Nor Izzati binti Othman (BPE)
- Puan Nor Hidayu binti Abdul Razak (BUH)
- Puan Sharifah Amira binti Salim (BLP)
- Puan Nurul Hidayah binti Hadzuha (BLH)
- Encik Faiz Aiman bin Ashadri (BSB)
- Puan Che Engku Nor Amiza binti Engku Chik (BEP)
- Puan Nurfahana binti Ahmad (BHA)
- Encik Mohd Suruzee bin Yaakub (BKH)
- Encik Mohamad Shahril bin Zulkifli (BPM)
- Encik Mohd Khairul Shahril bin Mustaq Ahmad (BKP)
- Encik Gana Raj anak Katharadan (BPK)
- Encik Ts. Mohammad Ilman bin Mahamad Amir (BTK)
- Encik Afiq bin Mohd Affandi (BPP)
- Puan Alisah binti Simin (UKKPA)
- Encik Muhammad Rizal bin Abd. Rahim (UIP)
- Puan Nurul Huda binti Jamaluddin (PUSPANITA)
- Puan Noor Azrien binti Zainon (PKSIP)

# BULETIN MAJUTAN 2025

## JANUARI–JUN

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# JPN JOHOR

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1. | 19 APRIL 2025 | PROGRAM JOHOR *EXPEDITION DAYHIKE* 2025 | 1 |
| 2. | 29 APRIL 2025 | LAWATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR (JPNJ) KE PENGERANG *INTEGRATED COMPLEX* (PIC) DAN PERBINCANGAN POTENSI KAJIAN SERTA PROGRAM RESTORASI BERSAMA PETRONAS DI HUTAN SIMPAN SUNGAI SANTI | 2 |
| 3. | 24 MEI 2025 | PROGRAM LARIAN "*TRANS MOUNT LAMBAK TRAIL*" 2025 (TMLT 2025) | 3 |

# PROGRAM JOHOR *EXPEDITION DAYHIKE* 2025

Disediakan oleh: Asfaezzah binti Ab. Karim
Jabatan Perhutanan Negeri Johor




Peserta berjaya sampai ke puncak Batu Tenggek, Kota Tinggi dan merakamkan kenangan bagi Program Johor *Expedition Dayhike* 2025




Sesi bergambar peserta yang mengambil bahagian bersama YBrs. Encik Khairul Izwan bin Maskan, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kluang, Pejabat Daerah Kluang dan YBrs. Encik Mohd Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), JPNJ




Sesi bacaan doa sebelum *flag-off* pada jam 4:00 pagi bagi peserta yang memilih trek pendakian Gunung Arong

## KLUANG, 19 APRIL 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dengan kerjasama *Isrec Adventure Resources* dan Persatuan Malim Gunung Perhutanan Negeri Johor (PMGPJ) telah mengadakan Program Johor *Expedition Dayhike* 2025 (JED 2025) pada 19 April 2025. Program ini untuk mempromosikan serta membangunkan sektor ekopelancongan yang terdapat dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Johor, memupuk kesedaran penjagaan alam serta budaya berekreasi di dalam sukan pendakian disamping menyahut seruan Tahun Melawat Malaysia 2026, Tahun Melawat Johor 2026 dan meraikan Hari Hutan Antarabangsa *(International Day of Forests)*.




Para peserta bergambar di TER Sungai Bantang sebelum memulakan pendakian ke Gunung Bekok, Segamat

Taman Eko Rimba (TER) Gunung Belumut, Kluang telah dipilih sebagai lokasi utama pelepasan peserta bagi Program JED 2025. Ianya telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Khairul Izwan bin Maskan, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kluang, Pejabat Daerah Kluang, YBrs Encik Mohd Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) JPNJ dan Encik Mohd Nor Faizal bin Samad, Pegawai Tadbir, Majlis Perbandaran Kluang dengan kehadiran 126 peserta yang menyahut cabaran untuk ke puncak Gunung Belumut dan Gunung Gua Rimau.




Para peserta berjaya menempuh laluan mencabar dan berjaya menjejakkan kaki ke puncak Gunung Lambak yang bukan sahaja menjadi simbol kejayaan fizikal, tetapi juga lambang kekuatan mental dan semangat berpasukan

Bilangan peserta bagi JED 2025 ini seramai 315 orang yang terdiri daripada warganegara Malaysia dan Singapura yang melibatkan 11 gunung dan bukit di dalam HSK Negeri Johor. JPNJ mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Program JED 2025.

# LAWATAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR (JPNJ) KE PENGERANG *INTEGRATED COMPLEX* (PIC) & PERBINCANGAN POTENSI KAJIAN SERTA PROGRAM RESTORASI BERSAMA PETRONAS DI HS SUNGAI SANTI

Disediakan oleh: Nurul Izati binti Wagimin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



Taklimat mengenai fungsi, peranan serta kemudahan yang terdapat di Kompleks serta turut merangkumi perkongsian maklumat berkaitan Pengerang *Integrated Complex* (PIC)



Lawatan ke galeri PETRONAS dan penerangan berkenaan pelbagai produk, teknologi serta inisiatif oleh Pengerang *Integrated Complex* (PIC)




YBrs. Tuan Mohd Syahrir Azrin bin Salleh, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) menandatangani buku pelawat



JPNJ bersama pihak PETRONAS telah mengadakan lawatan ke lapangan bagi meninjau dan menilai pelaksanaan projek di HS Sungai Santi




Sesi bergambar delegasi Jabatan Perhutanan Negeri Johor ke Pengerang I*ntegrated Complex* (PIC) bersama Yayasan PETRONAS dan Petronas Nature, *Corporate Sustainability Office*

## PENGERANG, 29 APRIL 2025

Satu lawatan rasmi Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) ke Pengerang *Integrated Complex* (PIC) bersama pihak Yayasan Petronas dan Petronas *Nature Corporate Sustainability Office* telah diadakan. JPNJ ini diketuai oleh YBrs. Tuan Mohd Syahrir Azrin bin Salleh selaku Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan) Negeri Johor. Turut hadir sama Puan Shariah Nelly Francis, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan PETRONAS serta Puan Giulla Sartori, *Senior General Manager, Nature Corporate Sustainability* Office. Lawatan ini adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai *The Blue Carbon Collective Project* (BCCP) di Hutan Simpan Sungai Santi yang telah disampaikan oleh Tuan Mohd Haizam bin Idris, *Manager Stakeholder Management Group Corporate Sustainability*, Petronas.

Delegasi lawatan kemudian di bawa untuk melawat sekitar PIC Wetland dan *One Team One Goal Centre*. Sesi lawatan ini di akhiri dengan lawatan tapak ke lokasi penanaman pokok iaitu *The Blue Carbon Collective Project Site* Sg Santi *Forest Reserve* untuk melihat status terkini penanaman yang telah di jalankan. Sehingga hari ini, sebanyak 20,000 pokok Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) dan Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) telah di tanam oleh pihak komuniti yang di ketuai oleh Persatuan Sahabat Hutan Bakau Tanjung Surat yang merupakan salah satu komponen projek iaitu melibatkan komuniti setempat dalam projek restorasi ini.

Pihak JPNJ mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak PIC selaku tuan rumah khususnya Tuan Khairuddin bin Suradi, *Head Strategic Communication & Stakeholder Management* PETRONAS *Refinery & Petrochemical Corporation* Sdn. Bhd (PRPC) atas layanan baik dan peluang yang diberikan untuk mengadakan perbincangan dan lawatan tersebut. Pihak JPNJ mengharapkan segala perancangan dan usaha baik ke arah konservasi hutan ini dapat dicapai dengan jayanya.

## PROGRAM LARIAN "*TRANS MOUNT LAMBAK TRAIL*" 2025 (TMLT 2025)

Disediakan oleh: Muhammad Syakirin bin Mohd Nordin
Jabatan Perhutanan Negeri Johor




Sesi bergambar Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) ke Pengerang *Integrated Complex* (PIC) bersama Yayasan PETRONAS dan Petronas *Nature Corporate Sustainability Office*




Para peserta TMLT 2025 bagi Kategori 6 jam bergambar bersama YBhg. Puan Hajah Azurawati binti Wahid, Pegawai Daerah Kluang, Johor sebelum memulakan larian denai Gunung Lambak




Sesi taklimat keselamatan kepada semua peserta merangkumi aspek keselamatan sepanjang laluan, peraturan pertandingan dan tindakan kecemasan sebelum larian denai dimulakan

**KLUANG, 24 MEI 2025**

Program Larian "*Trans Mount Lambak Trail* 2025 (TMLT 2025)" telah diadakan di dalam kawasan Hutan Simpan Renggam, Kluang. Para peserta memulakan cabaran mendaki hingga ke puncak Gunung Lambak yang berketinggian 510 meter a.p.l. dan berpatah balik ke lokasi permulaan bagi melengkapkan laluan larian. Penyertaan bagi program ini terbuka kepada empat (4) kategori larian iaitu 10 km, 6 jam, 12 jam dan *Fun Hike* (5 km). TMLT 2025 merupakan acara larian denai "*ULTRA*" bertaraf antarabangsa dan merupakan edisi kali kedua dianjurkan di Daerah Kluang, Johor.

Acara pelepasan *(flag-off)* peserta telah disempurnakan oleh YBhg. Puan Hajah Azurawati binti Wahud, Pegawai Daerah Kluang pada jam 8:00 pagi kepada 87 orang peserta yang menyertai kategori 6 jam. Majlis Penyampaian Hadiah TMLT 2025 telah berlangsung pada jam 4.30 petang bertempat di Dataran Tempat Letak Kenderaan Gunung Lambak, Kluang yang disempurnakan oleh Encik Khairul Izwan bin Maskan, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kluang, Pejabat Daerah Kluang. Secara keseluruhan, Seramai 380 orang peserta yang terdiri daripada 220 warganegara Malaysia dan 160 bukan warganegara melibatkan 12 buah negara iaitu Singapura, China, Indonesia, Portugal, Norway, Filipina, United Kingdom, Jepun, Perancis, Netherlands, India dan Australia.

Objektif TMLT 2025 ini bagi menggalakkan aktiviti riadah di kawasan hutan semulajadi serta memupuk gaya hidup sihat yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat merentasi peringkat umur, kaum dan agama. Penganjuran TMLT 2025 memberi peluang untuk menaikkan imej dan mengetengahkan produk ekopelancongan yang terdapat dalam Daerah Kluang dan Negeri Johor secara amnya. Jabatan Perhutanan Negeri Johor mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan TMLT 202.



Sesi pendaftaran di TMLT 2025 melibatkan seramai 380 orang peserta




Acara pelepasan bagi kategori 6 jam telah berlangsung pada jam 8:00 pagi




Acara pelepasan bagi kategori 12 jam telah berlangsung pada jam 4.00 pagi dan disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohd Izani bin Abdullah, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), JPNJ

# JPN KEDAH

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1. | 21 JANUARI 2025 | PROGRAM PENANAMAN DUA (2) JUTA POKOK DI NEGERI KEDAH | 4 |
| 2. | 20 FEBRUARI 2025 DAN 29 APRIL 2025 | PENDAKWAAN KES KESALAHAN HUTAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN | 5 |
| 3. | 29-31 MEI 2025 | PROGRAM KARNIVAL AIR DAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN | 6 |

# PROGRAM PENANAMAN DUA (2) JUTA POKOK DI NEGERI KEDAH

Disediakan oleh: Husna Aini Habibah binti Muazam
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah




Sesi bergambar para peserta bersama KDYMM Tuanku Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah

## PADANG TERAP, 21 JAN 2025

Projek 2 Juta Program Penanaman Pokok adalah anjuran oleh Jemaah Datuk Negeri Kedah dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri  Kedah (JPNK) dan Pejabat Hutan Daerah Padang Terap. Sebanyak 250 pokok buah-buahan nadir yang terdiri daripada 17 spesis ditanam di Hutan Simpan Pedu bagi pelancaran program ini.

Penerangan oleh Pengarah JPNK, Encik Muhamad bin Abdullah berkenaan spesis pokok yang ditanam di Kompartmen 42, Hutan Simpan Pedu. “Program ini merupakan cetusan idea Tuanku Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah supaya Jemaah Datuk Negeri Kedah bekerjasama dengan Agensi Persekutuan, Negeri dan syarikat swasta serta NGO (pertubuhan bukan kerajaan) bagi menjaga kelestarian alam sekitar dan ekosistem di negeri Kedah,” ujar Naib Presiden 1, Jemaah Datuk Negeri Kedah, Datuk Paduka Haji Bakar Din.

Sebanyak 2.2 juta pokok disasarkan untuk ditanam dari tahun 2025 sehingga 2030 sebagai mewakili jumlah penduduk negeri ini yang mana seorang penduduk bersamaan satu pokok yang ditanam.

Dalam majlis ini, KDYMM Tuanku Sultan Kedah turut berkenan menanam pokok Tampoi dan menjadi individu pertama yang mendaftar dalam Portal Jutaan Pokok yang dibangunkan bagi merekodkan jumlah pokok ditanam dalam projek tersebut.




KDYMM Sultan Sallehuddin menyempurnakan gimik pelancaran dengan menanam anak pokok Tampoi




DYAM Tunku Shazuddin Ariff ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tunku Mahkota Kedah turut sertai gimik pelancaran bagi Program 2 Juta Penanaman Pokok

## PENDAKWAAN KES KESALAHAN HUTAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Disediakan oleh: Encik Zulkurnain bin Zakaria
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

**SUNGAI PETANI, 20 Februari 2025**

Seorang lelaki warganegara tempatan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM8,000 atau enam (6) bulan penjara sekiranya gagal bayar oleh Hakim Mahkamah Sesyen Kulim, Yang Ariff Tuan Roslan bin Hamid atas kesalahan di bawah Subseksyen 68 (1) Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] yang telah diterima pakai oleh Negeri Kedah di bawah Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1985 dan yang boleh dihukum dibawah subseksyen 68(3) Enakmen yang sama.

Suspek ditangkap di Stesen Minyak Petron Sg. Lalang, Sungai Petani oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah kerana membawa hasil hutan berupa tiga belas (13) tual kayu balak bulat spesis akasia tanpa pas pemindah yang sah. Sebuah lori model Daihatsu beserta muatan kayu yang dibawa suspek turut disita.

Kes ini telah dibawa oleh Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Encik Muhammad Hafiz bin Musa. Pegawai Penyiasat bagi kes ini adalah Encik Zulkurnain bin Zakaria. Suspek mengaku bersalah dan membayar denda.




OKT hadir ke Mahkamah Sungai Petani bagi pembicaraan kes kesalahan hutan

**KULIM, 29 April 2025**




Gari dibuka oleh kakitangan JPNK setelah suspek selesai membayar denda di Mahkamah Seksyen Kulim

Seorang lelaki warganegara Bangladesh telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM4,000 atau lima (5) bulan penjara jika gagal membayar denda oleh Hakim Mahkamah Sesyen Kulim, Yang Ariff Puan Mirza binti Mohamad atas kesalahan di bawah Subseksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] yang telah diterima pakai oleh Negeri Kedah di bawah Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1985 dan boleh dihukum dibawah subseksyen 47(4) Enakmen yang sama.

Suspek ditangkap di Kompartmen 19, Hutan Simpan Gunung Inas, Kulim, Kedah oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah kerana memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) tanpa permit yang sah. Suspek dipercayai memasuki HSK bagi melihat pokok buah-buahan di kawasan pencerobohan lama yang telah ditanam pokok buah-buahan. Sebuah motosikal jenis Honda Wave yang ditunggang oleh suspek turut disita.

Kes ini telah dibawa oleh Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Encik Muhammad Hafiz bin Musa. Pegawai Penyiasat bagi kes ini adalah Encik Zulkurnain bin Zakaria dan Puan Husna Aini Habibah binti Muazam. Suspek mengaku bersalah dan membayar denda.

## PROGRAM KARNIVAL AIR DAN ALAM SEKITAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Disediakan oleh: Husna Aini Habibah binti Muazam
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah



JPNK memberikan Plug Cenderahati kepada YB Tuan Haji Mohammad Yusoff @ Munir bin Haji Zakaria




Kakitangan PHDKB memberi hadiah anak pokok Kelat paya kepada pengunjung yang hadir ke booth JPNK

### LANGKAWI, 29-31 MEI 2025

Pogram Karnival Air dan Alam Sekitar Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2025 merupakan satu penganjuran oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang merupakan satu program yang dirancang dan dilaksanakan untuk menyemarakkan kecintaan terhadap Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar yang telah diadakan di Dataran Chenang, Daerah Langkawi.

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) dengan kerjasama Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat telah memberi kerjasama yang penuh dalam menyertai reruai pameran (*booth*) sepanjang program ini berlangsung. Selain itu, JPNK juga tidak melepaskan peluang dengan menyertai aktiviti Langkawi *Fun Walk* sambil melakukan aktiviti gotong-royong di sekitar persisiran pantai yang telah dianjurkan.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Mohammad Yusoff @ Munir bin Haji Zakaria (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar) pada 30 Mei 2025.



Aktiviti Langkawi *Fun Walk* sambil gotong-royong disekitar pesisiran Pantai Chenang




Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang bertugas sepanjang karnival ini berlangsung

# JPN KELANTAN

## EDISI JANUARI–JUN 2025

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 23 - 25 JUN 2025 | KURSUS MENSURASI HUTAN BAGI KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN TAHUN 2025 | 7 |

## KURSUS MENSURASI HUTAN BAGI KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh : Puan Razlina Ermi binti Rejab
Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan




Barisan peserta  bersama penceramah dan fasilitator Kursus Mensurasi Hutan

**MACHANG, 23 - 25 JUN 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah melaksanakan Kursus Mensurasi Hutan pada 23 Jun hingga 25 Jun 2025 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan, Bukit Bakar, Machang, Kelantan. Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam bidang mensurasi hutan dan untuk memahirkan kakitangan dalam urusan kerja harian terutama bagi kakitangan di Balai Pemeriksaan Hutan. Kelas telah diadakan pada hari pertama kursus. Amali kursus pula telah diadakan di sekitar Taman Eko Rimba Bukit Bakar dan Petak Hutan Pelajaran 1000 spesis. Kursus ini telah dihadiri oleh 50 orang peserta melibatkan tiga (3) jajahan dan unit yang berkaitan. Pihak jabatan telah menjemput tenaga pengajar iaitu Encik Mahadi bin Che Wil, Penolong Pegawai Hutan Jajahan Kelantan Timur, JPNK dan dibantu oleh beberapa orang fasilitator jabatan.



Perbincangan peserta kursus bagi tugasan yang diberikan



Sesi pembelajaran di dalam kelas

# JPN PERAK

## EDISI JANUARI–JUN 2025

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 15 JANUARI 2025 | MEREALISASI ASPIRASI PERKHIDMATAN : PROGRAM AMANAT TAHUN BARU 2025 PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR | 8 |
| 2 | 2-5 FEBRUARI 2025 | LATIHAN "*HANDS-ON*" PENGGUNAAN DATA MODEL *SMART PATROL* DENGAN KERJASAMA WWF-MALAYSIA | 9 |
| 3 | 17 FEBRUARI 2025 | LAWATAN KERJA PEFC *INTERNATIONAL* KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK : PENEKANAN TERHADAP AMALAN PENGURUSAN HUTAN MAMPAN | 10 |
| 4 | 16 APRIL 2025 | KES LOMBONG HARAM *NON-RADIOACTIVE RARE EARTH ELEMENT* (NR-REE) HUTAN SIMPAN BINTANG HIJAU, HULU PERAK SELESAI PERBICARAAN DI MAHKAMAH KUALA KANGSAR | 11 |

## MEREALISASI ASPIRASI PERKHIDMATAN : PROGRAM AMANAT TAHUN BARU 2025 PEJABAT HUTAN DAERAH KUALA KANGSAR

Disediakan oleh: Puan Norbaizura binti Aris
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**SUNGAI SIPUT, 15 JANUARI 2025**

Kompleks Latihan Perhutanan Sungai Siput (U) menjadi saksi kepada pelaksanaan Program Amanat Tahun Baru 2025 anjuran Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar yang berlangsung penuh semangat dan profesionalisme. Majlis tahunan ini dimulakan seawal jam 8.30 pagi dengan sesi pendaftaran dan ketibaan kakitangan, diikuti dengan perbarisan kontinjen kawad oleh Pejabat Renj. Hutan Sungai Siput (U) yang menyuntik semangat patriotik dan disiplin dalam kalangan peserta. Lagu Negaraku, lagu Negeri Perak serta lagu korporat "Warisan Hijau" berkumandang sebagai simbol perpaduan dan komitmen kepada khidmat awam.

Antara acara penting dalam program ini ialah Amanat Tahun Baru oleh Pegawai Hutan Daerah Kuala Kangsar, Encik Mohd Fauzan bin Misron, yang menekankan kepentingan integriti, akauntabiliti dan prestasi kerja dalam mencapai visi Perak Sejahtera 2030. Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada semua warga jabatan atas sumbangan dan dedikasi sepanjang tahun sebelumnya. Sebelah petang diisi dengan Taklimat Pengurusan Pentadbiran yang memberi penerangan lanjut mengenai hala tuju jabatan, strategi pengurusan sumber manusia serta perancangan aktiviti tahunan bagi tahun 2025. Sesi ini menjadi platform penting untuk memperkukuhkan kefahaman dan penyelarasan pelaksanaan tugas di setiap unit.



Perbarisan Kontinjen Kawad Pejabat Renj. Hutan Sungai Siput (U) yang diketuai oleh Pengawas Hutan, Encik Rizalman bin Mohamad



Pegawai Hutan Daerah Kuala Kangsar, Encik Mohd Fauzan bin Misron menyampaikan Amanat Tahun Baru kepada seluruh kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar



Kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar sedang mendengar Amanat Tahun Baru 2025 dan Taklimat Pengurusan Pentadbiran

## LATIHAN *HANDS-ON* PENGGUNAAN DATA MODEL *SMART PATROL* DENGAN KERJASAMA *WORLD WIDE FUND* (WWF) MALAYSIA

Disediakan oleh: Encik Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**GERIK, 2-5 FEBRUARI 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah menjalankan Latihan *Hands-On* Penggunaan Data Model *Spatial Monitoring and Reporting Tool* (SMART) Patrol dengan Kerjasama WWF-Malaysia bagi bagi memenuhi keperluan pegawai penguatkuasaan semasa membuat semakan di lapangan dan tambahan model semakan hidupan liar yang melibatkan lima (5) Daerah Hutan iaitu Daerah Hutan Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta/ Manjung, Perak Selatan dan Larut & Matang pada 2 hingga 5 Februari 2025 bertempat di Cottage Inn Hotel, Gerik.

Latihan ini dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan tambahan model semakan hidupan liar di mana model ini baru dimasukkan di dalam aplikasi SMART Patrol sedia ada sekiranya semasa pemantauan dijalankan menjumpai kesan binatang liar dan kesan pemburuan haram seperti najis, tapak, cakaran, jerat, peluru, khemah dan lain-lain kesan. Selain daripada taklimat secara teori, peserta juga perlu menjalankan demonstrasi di lapangan sekiranya terjumpa dengan kesan-kesan tersebut.

Kesemua peserta berpuas hati dengan latihan dan penerangan yang diberikan oleh pihak JPNPk serta *World Wide Fund for Nature Malaysia* dan bersedia untuk menggunakan di lapangan.




Gambar kenangan bersama JPNPk dan WWF-Malaysia




Sesi taklimat disampaikan oleh Puan Norzalyta binti Mohd Ghazali





Antara aktiviti yang dilakukan semasa Latihan "*Hands-On*" Penggunaan Data Model SMART Patrol dengan kerjasama WWF-Malaysia

## LAWATAN KERJA PEFC *INTERNATIONAL* KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK : PENEKANAN TERHADAP AMALAN PENGURUSAN HUTAN MAMPAN

Disediakan oleh: Puan Norbaizura binti Aris
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**KUALA KANGSAR, 17 FEBRUARI 2025**

Satu lawatan kerja oleh delegasi *Programme for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC) *International* telah diadakan ke Jabatan Perhutanan Negeri Perak, sebagai susulan kepada laporan yang dibentangkan oleh *The Dutch Timber Procurement Assesment Committee* (TPAC). Lawatan ini bertujuan menilai secara langsung pelaksanaan amalan pengurusan hutan mampan di kawasan pembalakan di bawah lessen AK-01-48-28 oleh Syarikat Aneka Enigma Sdn. Bhd. Lawatan dimulakan dengan taklimat pengurusan dan operasi pengusahasilan yang disampaikan oleh pihak syarikat bersama pegawai-pegawai Jabatan Perhutanan. Taklimat ini menerangkan perancangan serta pelaksanaan aktiviti pembalakan mengikut piawaian pensijilan hutan mampan. Delegasi turut dibawa meninjau kawasan usahasil di Kompartmen 192, 193 dan 195, Hutan Simpan Piah, di mana aktiviti pengusahasilan sedang dijalankan. Di sini, satu demonstrasi proses tebangan pokok secara berarah telah diadakan bagi menunjukan kepatuhan kepada kaedah pengendalian yang selamat dan mesra alam. Salah satu kompenan penting dalam lawatan ini adalah sesi temu bual bersama wakil komuniti Orang Asli dari Kampung Air Karah, Lenggong.

Sesi ini memberi ruang kepada komuniti tempatan menyuarakan pandangan dan pengalaman mereka berkaitan kesan aktiviti pengusahasilan. Lawatan kerja ini merupakan satu usaha penting dalam memperkukuh keyakinan komuniti antarabangsa terhadap amalan pengurusan hutan di Malaysia selaras dengan prinsip dan kriteria PEFC. Ia juga mencerminkan komitmen JPN Perak dalam memastikan sumber hutan diurus secara bertanggungjawab dan lestari. Lawatan dengan rumusan positif dan beberapa cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pihak PEFC *International* bagi mempertingkatkan lagi amalan terbaik di lapangan.



Bergambar kenangan bersama wakil TPAC dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar di Kawasan Usahasil Syarikat Aneka Enigma Sdn. Bhd



Bergambar kenangan bersama wakil TPAC dan kakitangan Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar setelah selesai menanam pokok



Bergambar kenangan bersama wakil TPAC bersama wakil komuniti Orang Asli Kampung Air Karah, Lenggong

## KES LOMBONG HARAM *NON-RADIOACTIVE RARE EARTH ELEMENT* (NR-REE) HUTAN SIMPAN BINTANG HIJAU, HULU PERAK SELESAI PERBICARAAN DI MAHKAMAH KUALA KANGSAR

Disediakan oleh: Encik Muhammad Qayyum bin Muhamad Suhaimi
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

**KUALA KANGSAR, 16 APRIL 2025**

Mahkamah Kuala Kangsar hari ini telah selesai perbicaraan pertuduhan kes NR-REE dengan menjatuhkan hukuman kepada sembilan (9) Orang Kena Tuduh (OKT). Kes ini telah berjalan berikutan penangkapan 31 inidividu yang dipercayai telah menjalankan aktiviti perlombongan haram di dalam Hutan Simpan Bintang Hijau, Lawin Daerah Hulu Perak pada tahun 2023 yang lalu. Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah menjalankan Operasi Bersepadu Kawasan Lombong Haram NR-REE di Hutan Simpan Bintang Hijau Daerah Hulu Perak, Kompartmen 58 dan 64 bersama dengan dua (2) agensi kerajaan iaitu JPNPk dan Polis Diraja Malaysia dengan kekuatan seramai 50 anngota. Operasi bersepadu ini dijalankan pada 8 - 15 Disember 2023.

Sembilan (9) orang OKT telah mengaku bersalah di hadapan hakim dan setiap orang telah disabitkan dengan dua (2) kesalahan hutan. Bagi kesalahan pertama adalah dibawah Seksyen 47(1) dan kesalahan kedua dibawah Seksyen 81(1)(d). Kesalahan pertama, kesemua OKT telah didenda sebanyak RM5,000.00 atau dipenjarakan selama enam (6) bulan jika gagal membayar denda, manakala bagi kesalahan kedua setiap OKT didenda sebanyak RM9,000.00 atau dipenjarakan selama lapan (8) bulan jika gagal membayar denda. Jumlah denda/ kompaun bagi kedua-dua seksyen kesalahan adalah sebanyak RM126,000.00. Kesemua OKT telah dibebaskan setelah bayaran denda/kompaun dilunaskan.

Bagi semua barang kes yang telah disita oleh JPNPk, mahkamah telah menetapkan kenderaan yang mempunyai geran rasmi daripada Jabatan Pengangkutan Jalan diserahkan semula kepada pemilik. Bagi barang kes lain seperti mesin *boring*, paip, paip pvc, gerudi, generator, pam air dan lain-lain dilucut hak kepada JPNPk.

JPNPk akan sentiasa komited dalam menguatkuasa Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 bagi membendung aktiviti kesalahan hutan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal.




OKT di dalam kendang tertuduh




*Mohd Yusri berkata, polis menahan 31 individu, termasuk 21 pendatang asing tanpa izin (PATI) yang dipercayai terlibat dalam kenaan. - Gambar fail*

n aktiviti perlom

Kenyataan media oleh Ketua Polis Negeri Perak pada tahun 2023

# JPN PERLIS

## EDISI JANUARI–JUN 2025

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 3 FEBRUARI 2025 | LAWATAN RASMI DELEGASI NEGARA UZBEKISTAN KE *VIEWPOINT* WANG KELIAN, PERLIS | 12 |
| 2 | 6 FEBRUARI 2025 | KEM BIODIVERSITI TERBUKA SIRI 1 2025 : KENALI KHAZANAH ALAM | 13 |
| 3 | 7 FEBRUARI 2025 | MAJLIS *KICK-OFF* NAKAWAN *GLAMPING*, KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SUNGAI BATU PAHAT, PERLIS | 14 |
| 4 | 11 FEBRUARI 2025 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA JABATAN AKAUNTAN NEGARA NEGERI PERLIS | 15 |
| 5 | 19 DAN 20 FEBRUARI 2025 | KEM BIODIVERSITI SEKOLAH MENENGAH SIRI 1 2025 : MENYELUSURI DUNIA SEMULA JADI | 16 |
| 6 | 22 FEBRUARI 2025 | PROGRAM PENANAMAN POKOK DAN PEMBERSIHAN *PLOGGING@COMMUNITY* BERSAMA PERTUBUHAN ALAM SEKITAR SEJAHTERA MALAYSIA (GRASS MALAYSIA - PERLIS) | 17 |
| 7 | 25 FEBRUARI 2025 | PUSAT PELAWAT DIRIAN POKOK JATI (*Tectona grandis*) TERTUA DI NEGERI PERLIS DAN TANAH BESAR SEMENANJUNG MALAYSIA | 18 |
| 8 | 25 FEBRUARI 2025 | PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT OLEH PEGAWAI TADBIR N9 UPK, PEJABAT KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (JKPTG) NEGERI PERLIS | 19 |
| 9 | 25 FEBRUARI 2025 | KEM BIODIVERSITI SEKOLAH RENDAH SIRI 1 2025 : EKSPLORASI FLORA DAN FAUNA | 20 |
| 10 | 3 MAC 2025 | KERJASAMA STRATEGIK UNIMAP–JPNPS PERKASA KOMUNITI HUTAN MELALUI PROJEK PS-FORCE | 21 |
| 11 | 21 MAC 2025 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2025 PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS | 22 |
| 12 | 18 APRIL 2025 | LAWATAN KEBAWAH DULI PADUKA MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM DAN *VIEWPOINT* WANG KELIAN | 23 |
| 13 | 24 APRIL 2025 | LAWATAN KERJA RASMI GABENOR WILAYAH TASHKENT DAN DELEGASI DARI NEGARA UZBEKISTAN KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM, PERLIS | 24 |

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14 | 30 APRIL 2025 | PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA *"COMMUNITY PARTNERSHIP PROGRAM INTERNATIONAL COOPERATION WITH* TUANKU SYED SIRAJUDDIN MALAYSIA *POLYTECHNIC"* | 25 |
| 15 | 1 MEI 2025 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (JKPTG) PERSEKUTUAN NEGERI PAHANG | 26 |
| 16 | 12 - 14 MEI 2025 | LAWATAN DUTA BESAR JERMAN KE MALAYSIA DI TAMAN NEGERI PERLIS, WANG KELIAN, PERLIS | 27 |
| 17 | 23 MEI 2025 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA *"STREET LIGHT DEPARTMENT NORTH* - N1" TENAGA NASIONAL BERHAD | 28 |
| 18 | 24 MEI 2025 | REKOD BAHARU MALAYSIA DAN HURAIAN TAMBAHAN MORFOLOGI SPESIS CICAK JARI BENGKOK PAWANG / PAWANG BENT-TOED GECKO (*CYRTODACTYLUS DISJUNCTUS*) DI TAMAN NEGERI PERLIS | 29 |
| 19 | 26 MEI 2025 | PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA *TEAM* TAYAR GOLEK (TTG) SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS 2025 | 30 |
| 20 | 2 JUN 2025 | PROGRAM NAKAWAN *RAINFOREST* FESTIVAL SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2025 | 31 |
| 21 | 12 JUN 2025 | KURSUS PENGURUSAN SPESIMEN HERBARIUM JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS | 32 |
| 22 | 13/6/2025 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA UNIMAP *"PROGRAM UNICITY GO GREEN"* | 33 |
| 23 | 18 - 20 JUN 2025 | KEM BIODIVERSITI SEKOLAH RENDAH SIRI 2 2025 : EKSPLORASI FLORA DAN FAUNA | 34 |
| 24 | 24 DAN 25 JUN 2025 | KEM BIODIVERSITI PRA SEKOLAH 2025 : KENALI BIODIVERSITI | 35 |
| 25 | 27 DAN 28 JUN 2025 | BENGKEL PENUBUHAN JAWATANKUASA DAN PENGUMPULAN DATA PROJEK PS-FORCE | 36 |

## LAWATAN RASMI DELEGASI NEGARA UZBEKISTAN KE *VIEWPOINT* WANG KELIAN, PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar kenangan bersama delegasi dari negara Uzbekistan, Sahibus Samahah Dato' Arif Perkasa Prof. Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis, Timbalan Mufti, pegawai-pegawai Pejabat Mufti Negeri Perlis dan Encik Muhamad Afandi bin Zakaria, Pengurus Hutan Taman Negeri

**WANG KELIAN, 3 FEBRUARI 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah menerima kunjungan rasmi delegasi dari negara Uzbekistan ke *Viewpoint* Wang Kelian iaitu salah satu lokasi pelancongan alam semula jadi yang terkenal di negeri Perlis.

Lawatan ini turut disertai oleh Sahibus Samahah Dato' Arif Perkasa Prof. Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin, Mufti Negeri Perlis, bersama Timbalan Mufti serta pegawai-pegawai Pejabat Mufti Negeri Perlis. Turut hadir bersama ialah YBhg. Prof. Dr. Muhamad Rozaimi bin Ramle, Rektor Universiti Islam Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ).

Kunjungan ini merupakan sebahagian daripada rangka lawatan rasmi delegasi Uzbekistan ke negeri Perlis dan bertujuan memperkenalkan khazanah alam serta usaha pemuliharaan hutan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis. Delegasi telah diberi taklimat mengenai kepentingan dan daya tarikan *Viewpoint* Wang Kelian oleh Encik Muhamad Afandi bin Zakaria, Pengurus Hutan Taman Negeri.

Lawatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Uzbekistan, khususnya dalam aspek keagamaan dan pendidikan, tetapi juga membuka peluang kerjasama dalam bidang ekopelancongan dan pemuliharaan alam sekitar.



Taklimat mengenai kepentingan dan daya tarikan *Viewpoint* Wang Kelian




Antara tempat menjadi tumpuan pengunjung untuk bergambar



Lawatan ke puncak *viewpoint* menggunakan perkhidmatan *buggy* yang disediakan untuk pengunjung

## KEM BIODIVERSITI TERBUKA SIRI 1 2025 : KENALI KHAZANAH ALAM

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar sebelum aktiviti Eksplorasi ke Gua Wang Burma



Ceramah pengenalan kepada pelajar berkenaan avifauna



Kaedah Persampelan dan jemis -jenis serangga



Antara hasil penemuan semasa aktiviti *Insect Hunting* dan *Night Trekking*

## WANG KELIAN, 5 DAN 6 FEBRUARI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) telah menganjurkan Kem Biodiversiti Terbuka Siri 1 2025: Kenali Khazanah Alam pada 5 dan 6 Februari 2025 bertempat di Kompleks Ekopelancongan Taman Negeri Perlis, Wang Kelian. Program ini diadakan bersempena cuti persekolahan dan terbuka secara percuma kepada pelajar berumur antara 10 tahun hingga 16 tahun yang mendaftar awal dengan kebenaran ibu bapa masing-masing.

Seramai 35 orang pelajar telah menyertai kem ini yang bertujuan untuk menyemai kesedaran awal mengenai kepentingan pemuliharaan biodiversiti dan khazanah alam negara. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang dua (2) hari kem berlangsung antaranya ceramah pengenalan kepada avifauna oleh Encik Saiful Azhar daripada Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST), pengenalan kepada tumbuhan (herbarium), kaedah persampelan dan jenis-jenis serangga, aktiviti *night trekking* serta eksplorasi ke Gua Wang Burma - salah satu tarikan alam semula jadi utama di kawasan tersebut.

Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada para peserta telah disempurnakan oleh Encik Muhamad Afandi bin Zakaria, Pegawai Hutan Daerah Perlis Utara. Beliau turut menyatakan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program ini serta menekankan kepentingan mendidik generasi muda untuk lebih menghargai dan memelihara alam sekitar.

Kem ini merupakan salah satu inisiatif berterusan JPNPs dalam memperkukuh pendidikan alam sekitar serta membina kesedaran awam terhadap kepelbagaian biodiversiti hutan negeri.



Aktiviti perbentangan kumpulan



Aktiviti berkumpulan mengenai serangga



Penyampaian sijil kepada peserta

## MAJLIS *KICK-OFF* NAKAWAN *GLAMPING*, KOMPLEKS EKOPELANCONGAN SUNGAI BATU PAHAT, PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

**SUNGAI BATU PAHAT, 7 FEBRUARI 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) telah menganjurkan Majlis *Kick-Off* Nakawan *Glamping* bertempat di Nakawan *Glamping*, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat. Majlis ini diadakan sebagai simbolik pelancaran rasmi Nakawan *Glamping* yang telah mula beroperasi sejak Januari 2025.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Puan Wan Badariah binti Wan Saad, EXCO Kerajaan Negeri Perlis bagi portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan serta Alam Sekitar. Beliau diiringi oleh YBrs. Encik Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis. Turut hadir ialah ketua-ketua dan wakil jabatan kerajaan, wakil Komuniti Hutan Negeri Perlis, pempengaruh media sosial serta pengamal media.

Dalam majlis tersebut, satu taklimat mengenai pembangunan dan aktiviti yang dirancang di kawasan Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat telah disampaikan oleh Encik Muhamad Afandi bin Zakaria, Pengurus Hutan Taman Negeri. Taklimat ini memberi gambaran jelas tentang potensi besar kawasan tersebut dalam bidang ekopelancongan negeri.

Majlis juga menyaksikan sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPNPs dan Syarikat MN Indah Jaya Enterprise berkaitan penyediaan pakej menu sarapan pagi kepada pengunjung yang menginap di Nakawan *Glamping*. Sesi menandatangani MoU ini turut disaksikan oleh YB EXCO Kerajaan Negeri Perlis sendiri.

Selepas majlis utama, YB EXCO Kerajaan Negeri Perlis bersama tetamu jemputan dibawa melawat sekitar kawasan Nakawan *Glamping* bagi melihat sendiri kemudahan dan suasana semula jadi yang ditawarkan kepada para pengunjung.

JPNPs merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak di atas sokongan terhadap pelaksanaan dan promosi Nakawan *Glamping* sebagai destinasi ekopelancongan baharu di negeri Perlis.



Sesi gambar kenangan bersama YB Puan Wan Badariah binti Wan Saad



Taklimat disampaikan oleh Encik Muhamad Afandi bin Zakaria




Sesi menandatangani MoU antara JPNPs dan Syarikat MN Indah Jaya Exterprise

# PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA JABATAN AKAUNTAN NEGARA NEGERI PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar bersama peserta daripada Jabatan Akuantan Negara Negeri Perlis



Sesi penanaman pokok Jati



Sesi penanaman pokok Jati



Sesi penyampaian cenderamata

## Mata Ayer, 11 Februari 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perlis telah melaksanakan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bertempat di Kompartmen 23, Hutan Simpan Mata Ayer.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 45 orang kakitangan dari JANM Negeri Perlis, yang turut dibantu oleh pegawai dan kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Utara. Inisiatif ini bertujuan untuk menyemarakkan usaha penghijauan serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Sebanyak 50 anak pokok Jati (*Tectona grandis*) telah berjaya ditanam di lokasi tersebut. Pokok Jati merupakan salah satu spesis bernilai tinggi yang berperanan penting dalam menyumbang kepada kestabilan ekosistem dan kualiti hutan simpan.

Majlis penanaman turut diserikan dengan kehadiran Pengarah JANM Negeri Perlis, Datin Salwani binti Rahmat dan Penolong Pemelihara Hutan (Silvikultur), Encik Muzani bin Saad. Taklimat teknikal berkaitan kaedah penanaman telah disampaikan oleh Encik Khairolnaim bin Nordin, Pengawas Hutan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Utara.

Usaha bersepadu ini mencerminkan komitmen bersama antara agensi kerajaan dalam menyokong matlamat Kempen Penanaman 100 Juta Pokok serta memperkukuhkan peranan masyarakat dalam melestarikan alam sekitar untuk generasi akan datang.

# KEM BIODIVERSITI SEKOLAH MENENGAH SIRI 1 2025 : MENYELUSURI DUNIA SEMULA JADI

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar sebelum aktiviti penerokaan ke Gua Wang Burma

## WANG KELIAN, 19 DAN 20 FEBRUARI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) telah menganjurkan Kem Biodiversiti Sekolah Menengah Siri 1/2025: Menyelusuri Dunia Semula Jadi pada 19 hingga 20 Februari 2025 bertempat di Kompleks Ekopelancongan Taman Negeri Perlis, Wang Kelian.

Program selama dua (2) hari ini telah disertai oleh enam (6) orang pelajar dari setiap beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri ini, antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Lailatul Shahreen, SMK Abi, SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah dan SMK Beseri. Turut serta dalam program ini ialah guru-guru pengiring yang hadir memberikan sokongan kepada para peserta.




Sesi perkongsian pengalaman

Sepanjang kem berlangsung, pelbagai aktiviti menarik dan berinformasi telah diadakan. Antara pengisian utama termasuklah pengenalan kepada tumbuhan dan kaedah persampelan herbarium, *orienteering*, pengenalan kepada kaedah persampelan serta jenis serangga, *night walk*, seni biodiversiti dan penerokaan ke Gua Wang Burma.

Majlis penutupan kem telah disempurnakan oleh Encik Ramli bin Mat Hashim, Pengawas Hutan. JPNPs yang turut menyampaikan sijil penyertaan kepada semua peserta dan guru pengiring.

Penganjuran kem ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta memupuk minat terhadap alam semula jadi melalui pendekatan pembelajaran secara langsung di lapangan.



*Jungle Trekking*



Pengenalan dan kaedah persampelan herbarium



Taklimat penggunaan kompas untuk *Orienteering*



Aktiviti *Treasure Hunt*



Penerokaan Gua Wang Burma

# PROGRAM PENANAMAN POKOK DAN PEMBERSIHAN *PLOGGING@COMMUNITY* BERSAMA PERTUBUHAN ALAM SEKITAR SEJAHTERA MALAYSIA (GRASS MALAYSIA - PERLIS)

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

**Kangar, 22 Februari 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dengan kerjasama NGO *GRASS* Malaysia Perlis telah menganjurkan Program Penanaman Pokok dan Aktiviti Pembersihan (*Plogging*) bertempat di Kompartmen 9, Hutan Simpan Bukit Bintang, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

Program yang dinamakan '*Guardians of Nature*' ini dilaksanakan sebagai sokongan kepada Kempen Penghijauan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok di samping mempergiat usaha pemuliharaan kawasan ekopelancongan yang semakin mendapat perhatian pelawat.

Seramai 120 orang peserta telah mengambil bahagian yang terdiri daripada sukarelawan NGO GRASS Malaysia Perlis dan pelajar serta tenaga pengajar dari Institut Teknologi ANS (UNITAR), Alor Setar, Kedah. Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar melalui pendekatan komuniti dan pendidikan.

Sebanyak 130 anak pokok telah berjaya ditanam yang melibatkan dua (2) spesis utama iaitu Merawan siput jantan (*Hopea odorata*) dan Meranti temak nipis (*Antoshorea roxburghii*). Pokok-pokok ini dikenali sebagai spesis hutan tropika bernilai tinggi dalam pemuliharaan biodiversiti dan kestabilan ekosistem hutan.

Turut hadir memeriahkan program ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif Institut Teknologi ANS, Tuan Haji Mohd Nasir bin Idris, Pegawai Hutan Daerah Perlis Selatan, Encik Mohd Zohdi bin Shihabuddin serta Koordinator Program, Puan Rosnani Nazri. Taklimat berkaitan objektif dan pelaksanaan program telah disampaikan oleh Pegawai Hutan Daerah Perlis Selatan sebelum aktiviti dimulakan.

Melalui pelaksanaan program seperti ini, JPNPs dan rakan-rakan strategik berharap agar kesedaran awam terhadap kepentingan pemeliharaan alam semulajadi dapat terus disemai, khususnya dalam kalangan generasi muda.




Sesi bergambar bersama sukarelawan NGO GRASS Malaysia




Taklimat program disampaikan oleh En Mohd Zohdi, Pegawai Hutan Daerah Perlis Selatan



Penanaman pokok di kawasan terpilih



Penanaman pokok di kawasan terpilih

# PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT OLEH PEGAWAI TADBIR N9 UPK, PEJABAT KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (JKPTG) NEGERI PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar bersama peserta daripada JKPTG Negeri Perlis

**KUALA PERLIS, 25 FEBRUARI 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dengan kerjasama Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Negeri Perlis telah menganjurkan satu program penanaman pokok bakau sempena Program Khidmat Masyarakat dan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok. Program ini telah diadakan di Hutan Simpan Pulau Ketam, Kuala Perlis.

Seramai 50 orang peserta daripada JKPTG Negeri Perlis telah menyertai program ini dengan sokongan kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan. Dalam usaha memelihara ekosistem paya bakau, sebanyak 100 batang pokok Bakau telah ditanam. spesis yang dipilih bagi penanaman kali ini ialah Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) dan Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) yang dikenali berupaya menstabilkan kawasan pantai dan mengurangkan hakisan tanah.

Program penanaman pokok bakau ini turut dihadiri oleh Pengarah JKPTG Perlis, Encik Mohd Adli Shah bin Jamaludin. Sebelum aktiviti penanaman bermula, taklimat teknikal berkaitan kaedah penanaman dan kepentingan ekosistem bakau telah disampaikan oleh Encik Muhamad Saili bin Mamat, Pengawas Hutan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan.

Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan ke arah pemuliharaan alam sekitar selain memperkukuh kerjasama antara agensi kerajaan dalam usaha penghijauan negara.



Penanaman pokok Bakau



Sesi penyerahan cenderahati



Penanaman pokok Bakau

# PUSAT PELAWAT DIRIAN POKOK JATI (*Tectona grandis*) TERTUA DI NEGERI PERLIS DAN TANAH BESAR SEMENANJUNG MALAYSIA

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Pusat Pelawat Dirian Pokok Jati (*Tectona grandis*) tertua di negeri Perlis

**MATA AYER, 25 FEBRUARI 2025**

Pusat Pelawat Dirian Pokok Jati (*Tectona grandis*) tertua di negeri Perlis dan tanah besar Semenanjung Malaysia kini berfungsi sebagai pusat informasi yang mengetengahkan kepentingan, keunikan serta kegunaan pokok jati yang ditanam di negeri ini. Terletak di Kompartmen 23, Hutan Simpan Mata Ayer berada di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Perlis Utara.

Penanaman pokok jati di kawasan ini bermula sejak tahun 1953 menjadikan kawasan sekitar pusat pelawat sebagai plot dirian pokok Jati tertua yang direkodkan di Perlis dan Semenanjung Malaysia. Berdasarkan bancian yang dijalankan pada tahun 2024, pokok Jati terbesar yang dicatatkan mencapai ukuran 77cm diameter pada paras dada (*diameter breast height*, DBH) menunjukkan pertumbuhan yang sihat dan signifikan dalam tempoh lebih tujuh dekad.

Pokok jati amat sinonim dengan negeri Perlis kerana kualiti dan pertumbuhannya yang unggul di kawasan ini. Melihat kepada potensinya yang tinggi, Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) bersama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia telah memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) sebagai langkah strategik untuk mengangkat "*Jati of Perlis*" sebagai produk lestari yang mampu menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan ekonomi mampan di peringkat global.

Pusat Pelawat Dirian Jati ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas bagi keselesaan pengunjung termasuk sebuah wakaf, dataran taklimat, laluan pejalan kaki dan papan maklumat yang menyediakan maklumat berguna berkaitan spesis pokok Jati serta sejarah penanaman di kawasan tersebut.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan JPNPs dalam memelihara khazanah hutan sambil mendidik masyarakat mengenai nilai ekonomi dan ekologi pokok Jati sebagai aset hutan tropika.




Papan maklumat pokok Jati



Kemudahan laluan penjalan kaki dan wakaf






Kawasan plot dirian pokok Jati

## KEM BIODIVERSITI SEKOLAH RENDAH SIRI 1 2025 : EKSPLORASI FLORA DAN FAUNA

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Aktiviti Penerokaan Gua Wang Burma



Penyampaian Sijil Penyertaan

### WANG KELIAN, 25 DAN 26 FEBRUARI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) telah menganjurkan Kem Biodiversiti Sekolah Rendah Siri 1 2025 : Eksplorasi Flora dan Fauna bermula pada 25-26 Februari 2025 bertempat di Kompleks Ekopelancongan Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, Perlis.

Program selama dua (2) hari ini telah disertai oleh lima (5) orang pelajar dari setiap sekolah rendah terpilih di negeri ini antaranya Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Padang Besar Utara, SRK Felda Rimba Mas, SRK Utan Aji, SRK Lubuk Sireh, SRK Batu Bertangkup dan SRK Paya. Turut serta dalam program ini ialah guru-guru pengiring yang hadir memberikan sokongan kepada para peserta.

Sepanjang kem berlangsung, pelbagai pengisian aktiviti yang menarik telah diadakan sepanjang kem ini. Antaranya ialah jom kenali tumbuh-tumbuhan, ceramah keunikan Taman Negeri Perlis, pengenalan kepada serangga dan *insect hunting*, *night walk*, mengenal rantaian makanan, seni biodiversiti dan juga jejak komando ke Gua Wang Burma. Majlis perasmian penutup dan sesi penyampaian sijil kepada semua peserta dan guru pengiring telah disempurnakan oleh Encik Muhamad Afandi bin Zakaria, Pegawai Hutan Daerah Perlis Utara

Penganjuran kem ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta memupuk minat terhadap alam semula jadi melalui pendekatan pembelajaran secara langsung di lapangan.



Aktiviti mengenal rantai-makanan




Ceramah Keunikan Taman Negeri Perlis



Jom Kenali Tumbuh-Tumbuhan



*Insect Hunting & Night Walk*

# KERJASAMA STRATEGIK UNIMAP-JPNPS PERKASA KOMUNITI HUTAN MELALUI PROJEK PS-*FORCE*

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

**PAUH PUTRA, 3 MAC 2025**

Satu kunjungan hormat yang penuh bermakna telah diadakan antara Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dan Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi membincangkan pelaksanaan Projek Ps-FORCE. Pertemuan ini berlangsung di Bilik Mesyuarat Eksekutif Canselori, UniMAP.




Penyerahan Surat Kerjasama Strategik

Projek Ps-FORCE merupakan inisiatif kerjasama strategik yang bertujuan memperkasa komuniti hutan di Negeri Perlis melalui pengukuhan aspek ekonomi, latihan dan kemahiran, pemasaran digital serta pembangunan sistem pemetaan digital komuniti secara menyeluruh dan mampan. Projek ini dijangka menjadi platform penting dalam menyokong pembangunan lestari komuniti setempat sekaligus memperkukuhkan hubungan antara agensi kerajaan dan institusi pendidikan.



Sesi penyerahan cenderamata

Dalam majlis tersebut, YBrs. Tuan Ag Shaffie bin Ag Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis telah menyerahkan Surat Kerjasama Strategik kepada YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli, Naib Canselor UniMAP sebagai simbolik permulaan kerjasama rasmi antara kedua-dua pihak. Penyerahan surat tersebut menandakan komitmen bersama untuk melaksanakan projek yang membawa manfaat jangka panjang kepada komuniti serta pembangunan negeri Perlis.

Kerjasama ini diharap dapat memperkukuh usaha memajukan komuniti hutan secara bersepadu dengan sokongan ilmu pengetahuan dan teknologi yang dimiliki oleh UniMAP, selari dengan aspirasi pembangunan negara ke arah kemampanan dan kesejahteraan rakyat.

Kerjasama ini dijangka membuka lembaran baharu ke arah pembangunan komuniti hutan yang lebih lestari, inklusif dan berdaya saing di samping memperkukuh hubungan antara institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan negeri dalam menjayakan agenda pembangunan mampan.



Sesi perbincangan antara JPNPs dan UniMAP

# PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA TAHUN 2025 PERINGKAT JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar sempena Program Penghijauan Malaysia

## SUNGAI BATU PAHAT , 21 MAC 2025

Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran global tentang kepentingan semua jenis hutan serta usaha pemeliharaan dan pemuliharaannya demi kesejahteraan manusia dan kestabilan ekosistem sejagat. Tema sambutan bagi tahun 2025 ialah "Hutan dan Makanan" (*Forests and Foods*), yang menekankan peranan penting hutan dalam menjamin keselamatan makanan dan pemakanan yang berkhasiat kepada masyarakat dunia. Sempena sambutan ini, Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) telah menganjurkan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok sebagai salah satu inisiatif menyokong agenda nasional dalam memelihara dan memulihara alam sekitar melalui penanaman pokok secara besar-besaran.

Sebanyak 20 batang pokok Doa atau Bucida batik (*Bucida ophiticola*) telah ditanam di laluan masuk utama ke Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis. Pemilihan spesis ini bukan sahaja memberi nilai estetika kepada kawasan tersebut malah menyumbang kepada penyediaan habitat semula jadi serta menggalakkan kelestarian ekosistem setempat.

Program ini turut mencerminkan komitmen berterusan JPNPs dalam memperkukuh kesedaran awam terhadap pentingnya penjagaan hutan serta memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam usaha pemuliharaan sumber asli negara.




Penanaman pokok Bucida batik oleh Pengarah JPNPs




Simbolik siraman pokok






Penanaman pokok Bucida batik

# LAWATAN KEBAWAH DULI PADUKA MULIA TENGKU MAHKOTA PAHANG KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM DAN *VIEWPOINT* WANG KELIAN

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis






Sekitar Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam dan *Viewpoint* Wang Kelian, Perlis

## GUA KELAM, 18 APRIL 2025

Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, telah berkenan mencemar duli ke Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam dan *Viewpoint* Wang Kelian, Perlis.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ini adalah bersempena Sambutan Jubli Perak Pemerintahan DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail yang turut disambut dengan pelbagai program rasmi dan acara kenegaraan di seluruh negeri.

Dalam lawatan tersebut, YBrs. Encik Ag Shaffie Ag Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis telah menyampaikan taklimat khas kepada Kebawah Duli Tuanku mengenai kawasan ekopelancongan yang menjadi antara destinasi pelancongan alam semula jadi utama di negeri ini. Taklimat tersebut merangkumi aspek pemeliharaan, pembangunan mampan dan potensi pelancongan yang ditawarkan oleh Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam dan *Viewpoint* Wang Kelian.

Seluruh warga Jabatan Perhutanan Negeri Perlis menjunjung kasih atas keberangkatan dan kesudian Kebawah Duli Tuanku mencemar duli ke kawasan ekopelancongan tersebut. Lawatan ini mencerminkan sokongan berterusan institusi diraja terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan ekopelancongan negeri Perlis.







Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang bercemar duli ke sekitar Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam dan *Viewpoint* Wang Kelian, Perlis

# LAWATAN KERJA RASMI GABENOR WILAYAH TASHKENT DAN DELEGASI DARI NEGARA UZBEKISTAN KE KOMPLEKS EKOPELANCONGAN GUA KELAM, PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Sesi taklimat disampaikan oleh En Ridzuan Man, Pengawas Hutan

**GUA KELAM,  24 APRIL 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah menerima kunjungan rasmi daripada Gabenor Wilayah Tashkent, Uzbekistan bersama Timbalan Gabenor dan rombongan delegasi sempena lawatan kerja rasmi mereka ke Negeri Perlis.

Lawatan ini turut diiringi oleh pegawai dari Jabatan Mufti Negeri Perlis sebagai sebahagian daripada agenda diplomatik dan kerjasama dua hala antara Negeri Perlis dan Wilayah Tashkent, Uzbekistan. Antara destinasi utama yang dilawati ialah Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam, salah satu ikon pelancongan alam semula jadi negeri ini.

Semasa lawatan tersebut, taklimat berkaitan pengurusan dan pembangunan kawasan ekopelancongan telah disampaikan oleh Encik Ridzuan Man, Pengawas Hutan yang bertanggungjawab menyelia operasi di Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam. Taklimat ini merangkumi aspek pengurusan mampan, pemeliharaan sumber semula jadi serta potensi tarikan pelancongan yang ditawarkan kepada pelawat tempatan dan antarabangsa.

Lawatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan diplomatik antara Malaysia dan Uzbekistan malah membuka ruang untuk pertukaran pengetahuan dalam bidang pelancongan, pengurusan sumber asli dan pembangunan mampan.




Lawatan sekitar Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam

# PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU SEMPENA "*COMMUNITY PARTNERSHIP PROGRAM INTERNATIONAL COOPERATION WITH* TUANKU SYED SIRAJUDDIN MALAYSIA *POLYTECHNIC*"

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis






Penanaman pokok Bakau kurap



Sekitar aktiviti penanaman pokok Bakau



Gambar kenangan peserta

**KUALA PERLIS, 30 APRIL 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) telah menganjurkan Program Penanaman Pokok Bakau bertempat di Hutan Simpan Pulau Ketam, Kuala Perlis. Program ini merupakan antara inisiatif pemuliharaan Hutan Paya Bakau yang penting dalam usaha melestarikan ekosistem pantai.

Seramai 75 orang peserta telah terlibat dalam program ini yang terdiri daripada pelajar antarabangsa dari Thailand dan Indonesia serta pelajar dan kakitangan PTSS. Turut hadir memberikan bimbingan dan sokongan teknikal sepanjang program ini ialah Encik Muzani Saad, Penolong Pemelihara Hutan (Silvikultur) bersama beberapa kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan.

Sebanyak 100 anak pokok bakau berjaya ditanam dalam program ini yang melibatkan dua spesis utama iaitu Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) dan Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*). Penanaman ini bukan sahaja bertujuan untuk memulihkan kawasan pesisir pantai yang terjejas tetapi juga sebagai medan pendidikan alam sekitar kepada para peserta.

Program ini membuktikan bahawa kolaborasi antara institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan mampu memperkukuh kesedaran dan tindakan terhadap pemuliharaan biodiversiti serta pengurusan hutan yang mampan.

# PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (JKPTG) PERSEKUTUAN NEGERI PAHANG

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar bersama peserta dari JKPTG

## HUTAN SIMPAN BUKIT BINTANG, 1 MEI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan Negeri Pahang telah menganjurkan satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui aktiviti penanaman pokok yang berlangsung di Kompartmen 23, Hutan Simpan Bukit Bintang.

Program ini bertujuan menyemai semangat cinta alam sekitar dalam kalangan penjawat awam serta menyokong agenda nasional penghijauan dan pemuliharaan hutan. Seramai kira-kira 30 orang kakitangan JKPTG Pahang telah menyertai program ini.

Turut hadir ialah YBrs. Encik Shahrizwan Shamsuddin, Pengarah JKPTG Negeri Pahang yang memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif ini. Sepanjang program berlangsung, para peserta turut dibantu oleh Encik Muzani Saad, Penolong Pemelihara Hutan (Silvikultur) serta kakitangan Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan.

Sebanyak 50 batang pokok berjaya ditanam yang terdiri daripada spesis hutan bernilai seperti Merawan siput jantan (*Hopea odorata*) dan Meranti temak nipis (*Shorea roxburghii*) yang dipilih berdasarkan kesesuaian ekologi dan nilai konservasi.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan agensi kerajaan dalam menjaga kelestarian alam sekitar melalui penglibatan langsung dalam aktiviti pemuliharaan hutan secara kolaboratif dan berimpak tinggi.



Sesi penanaman pokok



Sesi penanaman pokok di kawasan terpilih



Sesi penanaman pokok

# LAWATAN DUTA BESAR JERMAN KE MALAYSIA DI TAMAN NEGERI PERLIS, WANG KELIAN, PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Sesi bergambar kenangan bersama Duta Besar Jerman

**WANG KELIAN, 12-14 MEI 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) telah menerima kunjungan rasmi daripada Duta Besar Jerman ke Malaysia, H.E. Dr. Peter Blomeyer, di Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, sempena lawatan beliau ke negeri Perlis yang berlangsung dari 12 hingga 14 Mei 2025.

Lawatan ini merupakan antara pengisian utama sepanjang keberadaan beliau di negeri Perlis, dengan tujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang isu-isu alam sekitar serta menghargai keunikan khazanah semula jadi yang terdapat di Taman Negeri Perlis.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Encik Ramli Mat Hashim, Pengawas Hutan yang menyelia kawasan Taman Negeri Perlis, serta wakil Komuniti Hutan Negeri Perlis, Encik Syamil Abd Rahman, Pengerusi Persatuan Penjelajah Alam Perlis (Perlis *Nature Explorer*) dan bersama ahli persatuan yang lain.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat di Pusat Pelawat, sebelum meneruskan eksplorasi ke beberapa lokasi menarik sekitar taman termasuk Denai Rimba, Denai Lestari NRES, Menara Pemerhati Biodiversiti serta Gua Wang Burma. Taklimat dan perkongsian berkenaan kepelbagaian biodiversiti dan pengurusan kawasan hutan disampaikan oleh Encik Ramli dan Encik Syamil yang turut mengetengahkan peranan komuniti dalam pemuliharaan hutan.

H.E. Dr. Peter Blomeyer turut dibawa melawat ke lokasi ikonik *Viewpoint* Wang Kelian, di mana beliau disambut oleh YBrs. Encik Ag Shaffie Ag Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis. Sesi perbincangan dan perkongsian maklumat turut diadakan kemudian disusuli dengan penyampaian cenderahati kenang-kenangan oleh pihak JPNPs serta sesi bergambar rasmi.

Pihak JPNPs merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada H.E. Dr. Peter Blomeyer atas kesudian memilih Taman Negeri Perlis sebagai destinasi lawatan sekali gus memperkukuh hubungan diplomatik dan kerjasama dalam bidang pemuliharaan alam sekitar antara Malaysia dan Jerman.



Penyampaian cenderahati kenang-kenangan



Sekitar Taman Negeri Perlis





Tanda hadir deligasi di pusat pelawat

## PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA BERSAMA "*STREET LIGHT DEPARTMENT NORTH* - N1" TENAGA NASIONAL BERHAD

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar bersama peserta Program Penghijauan Malaysia

### SUNGAI BATU PAHAT, 23 MEI 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kangar telah melaksanakan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bertempat di Rimba Herba Perlis, Kompartmen 23 Hutan Simpan Bukit Bintang dalam kawasan Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Program Penghijauan Malaysia dan juga menyokong agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) TNB dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

Seramai 25 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini dengan dibantu oleh kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan. Sepanjang program berlangsung, sebanyak 50 batang pokok telah berjaya ditanam yang terdiri daripada dua spesis hutan bernilai tinggi iaitu Meranti temak nipis (*Shorea roxburghii*) dan Merawan siput jantan (*Hopea odorata*).

Turut hadir memberi sokongan ialah Encik Muzani Saad, Penolong Pemelihara Hutan (Silvikultur) yang bersama-sama peserta dalam aktiviti penanaman dan sesi perkongsian berkaitan kepentingan spesis yang ditanam.

Program ini mencerminkan komitmen bersama antara agensi kerajaan dan sektor swasta dalam usaha mempertingkatkan litupan hijau negara menyumbang kepada keseimbangan ekosistem serta mewujudkan kesedaran awam terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.



Sesi penanaman pokok di sekitar tapak terpilih



Sesi penanaman pokok di sekitar tapak terpilih

# REKOD BAHARU MALAYSIA DAN HURAIAN TAMBAHAN MORFOLOGI SPESIS CICAK JARI BENGKOK PAWANG/ PAWANG BENT-TOED GECKO (*Cyrtodactylus disjunctus*) DI TAMAN NEGERI PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Cicak jari bengkok pawang (*Cyrtodactylus disjunctus*)

## MATA AYER, 24 MEI 2025

Penerbitan saintifik terbaharu dari Perlis telah mengesahkan kewujudan spesis cicak jari bengkok pawang (*Cyrtodactylus disjunctus*) di Taman Negeri Perlis, menjadikannya penemuan rasmi pertama spesis ini di Malaysia. Penemuan ini berlaku hanya dalam jarak 13 kilometer dari lokaliti asal spesis tersebut di tenggara Thailand sekaligus memperkukuh hubungan ekologi rentas sempadan antara kedua-dua negara.

Spesis ini telah ditemui oleh sekumpulan saintis dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang diketuai oleh Encik Mohd Abdul Muin Md Akil bersama penyelidik tempatan dan juara biodiversiti Perlis, Encik Raiandy Ramly serta dibantu oleh Encik Mohd Zulkifly Saad, Ahli Jawatankuasa Perlis *Nature Xplorer* (PNX). Penemuan ini dijumpai di kawasan hutan batu kapur dalam kawasan gazet Taman Negeri Perlis dan merupakan pengesahan saintifik kepada laporan awal oleh PNX yang merekodkan kehadiran spesis ini pada 7 Julai 2024 di lokasi yang sama.

Kajian ini turut melibatkan kerjasama dengan Prof. Dr. Lee Grismer, pakar herpetologi dan biologi konservasi dari Universiti La Sierra, California, Amerika Syarikat. Beliau telah menjalankan analisis morfologi dan molekul di makmal untuk mengesahkan identiti dan ciri unik tambahan spesis tersebut.

Penemuan terbaharu ini menambah kejayaan kepelbagaian spesis flora dan fauna di Taman Negeri Perlis sebagai pusat biodiversiti penting di Semenanjung Malaysia. Sebelum ini, di Taman Negeri Perlis juga telah mencatatkan penemuan beberapa spesis luar biasa seperti Ular kapak batu kapur alis mata, Cicak jari bengkok zebra, Cicak bertanduk pendek Meridionia serta spesis tumbuhan endemik *Thismia perlisensis*.

Penerbitan ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada kekayaan biodiversiti Perlis malah mengukuhkan lagi keperluan untuk melindungi kawasan batu kapur sebagai habitat unik yang menyimpan pelbagai khazanah biologi yang belum diterokai sepenuhnya.

## PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA *TEAM* TAYAR GOLEK (TTG) SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS 2025

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

**SUNGAI BATU PAHAT, 26 MEI 2025**

Sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis 2025, Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah menganjurkan Program Penanaman Pokok bersama *Team* Tayar Golek (TTG) di Dewan Serbaguna Bukit Ayer serta Program Kayuhan MAIPs Peduli Bil. 38/2025 yang berlangsung di Masjid Ar-Raudhah, Sungai Batu Pahat, Perlis.

Program ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis yang berkenan mencemar duli menghadiri dan merasmikan kedua-dua acara. Keberangkatan tiba DYTM Tuanku Raja Muda disambut meriah oleh TTG yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan serta jemputan khas.

Taklimat ringkas mengenai program telah disampaikan oleh YBrs. Encik Ag. Shaffie Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis. DYTM Tuanku Raja Muda turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf sempena dengan Program Kayuhan MAIPs Peduli. Program ini bukan sahaja berfokus kepada kelestarian alam tetapi juga memperkukuh elemen kebajikan.

Sebanyak 82 pokok telah ditanam yang terdiri daripada spesis Meranti temak nipis (*Antoshorea roxburghii*), Merawan siput jantan (*Hopea odorata*) dan DYTM Tuanku Raja Muda berkenan menanam pokok Keruing belimbing (*Dipterocarpus grandiflorus*) di perkarangan Dewan Serbaguna Bukit Ayer sebagai simbolik Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2025. Sebanyak 82 pokok yang ditanam ini juga merupakan simbolik sempena dengan Hari Keputeraan ke- 82 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Perlis.



Taklimat ringkas program penanaman pokok



Simbolik penanaman pokok oleh DYTM Tuanku Raja Perlis




Sesi bergambar bersama DYTM Tuanku Raja Perlis

# PROGRAM NAKAWAN *RAINFOREST FESTIVAL* SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS TAHUN 2025

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh DYMM Raja Perlis




Sesi bergambar bersama Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

**BUKIT AYER, 2 JUN 2025**

Nakawan *Rainforest Festival* (NRF) kembali dengan pengisian lebih berwarna dan meriah sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis 2025. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan NGO serta mendapat sokongan penuh dari Kerajaan Negeri. Program ini telah berlangsung di Dewan Serbaguna Bukit Ayer, Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa tahun ini diberi nafas baharu dengan konsep Nakawan *Rainforest Festival* bersempena nama banjaran batu kapur iaitu "Banjaran Nakawan" yang berusia lebih 480 juta tahun. Ia merupakan lambang warisan geologi dan alam semula jadi negeri Perlis.

Dengan tema "Hutan dan Makanan" (*Forests and Food*) sambutan kali ini mengangkat peranan penting hutan dalam memastikan keterjaminan makanan dan kelangsungan hidup manusia melalui sumber semula jadi seperti buah-buahan, herba ubatan dan keseimbangan biodiversiti. Festival ini bukan sekadar acara tahunan tetapi usaha berterusan untuk memupuk kesedaran dan pendidikan awam mengenai peranan penting hutan dalam kehidupan manusia sejagat.

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang program ini termasuklah aktiviti penanaman pokok, ceramah kesedaran mengenai kepentingan hutan dan alam sekitar yang melibatkan penyertaan murid sekolah rendah dan menengah serta pelajar dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta, interpretasi denai hutan, semaian anak pokok, agihan pokok secara percuma, pameran oleh agensi kerajaan dan NGO, pertandingan mewarna keluarga, pertandingan bercerita sekolah rendah, Nakawan *Rainforest Outdoor Gathering* yang melibatkan aktiviti perkhemahan di tapak Nakawan *Glamping*, pendakian Pintu Wang Gunung, Penerokaan Gua Kelam 2 dan kayuhan basikal, acara larian Nakawan *Rainforest Run* iaitu acara *Fun Run* sejauh 4.8km dan larian sejauh 10km, pertandingan sukan paintball serta pertandingan *Treasure Hunt*.

Festival ini turut dimeriahkan dengan penyertaan reruai pameran daripada pelbagai agensi termasuk Stesen Penyelidikan FRIM Mata Ayer, Jabatan PERHILITAN, LPPKN Negeri Perlis dan beberapa agensi lain. Bagi keselesaan pengunjung turut disediakan jualan makanan serta perkhidmatan trak makanan (*foodtruck*) sepanjang program berlangsung.

Majlis Perasmian Penutup Program Nakawan *Rainforest Festival* sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis Tahun 2025 telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis pada 1 Jun 2025. Majlis turut dihadiri oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Yang Berhormat EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Perpaduan dan Alam Sekitar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, ketua-ketua jabatan serta para tetamu jemputan.




Sesi ceramah kesedaran





Nakawan *Rainforest Run*

## KURSUS PENGURUSAN SPESIMEN HERBARIUM JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar bersama kakitangan Jabatan Botani Pulau Pinang




Teori pengurusan herbarium



Proses penyediaan herbarium



Amali di lapangan

**WANG KELIAN, 12 JUN 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPNPs) dengan kerjasama Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah melaksanakan Kursus Pengurusan Spesimen Herbarium bertempat di Bangunan Herbarium dan sekitar kawasan Taman Botani Pulau Pinang.

Kursus ini telah disertai oleh seramai 10 orang kakitangan JPNPs yang terdiri daripada *Personal MyStep*, Pengawas Hutan dan Pembantu Khidmat Am. Antara objektif utama penganjuran kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan serta meningkatkan pengetahuan peserta mengenai kaedah pengurusan dan penyimpanan spesimen tumbuhan di herbarium.

Di samping sesi teori, para peserta turut diberi peluang untuk menjalani latihan amali di lapangan. Latihan ini merangkumi aktiviti mengenal pasti spesimen tumbuhan serta mempelajari teknik pengumpulan dan pendokumentasian spesimen dengan kaedah yang betul dan sistematik. Penganjuran kursus ini diharapkan dapat meningkatkan kecekapan serta kemahiran teknikal dalam kalangan peserta seterusnya memperkukuhkan usaha pemuliharaan dan dokumentasi biodiversiti hutan di negeri Perlis.

Kursus ini merupakan sebahagian daripada usaha awal sebagai persediaan untuk mewujudkan Pusat Biodiversiti yang komprehensif dan berfungsi.

# PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA : KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK BERSAMA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP) , "PROGRAM *UNICITY GO GREEN*"

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi penyampaian cenderamata



Sesi bergambar bersama peserta

**PADANG BESAR,13 JUN 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Falkuti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah melaksanakan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok iaitu *"Unicity Go Green'* bertempat di UniMAP Unicity Alam Sg.Chuchuh, Perlis.

Seramai 40 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini dengan dibantu oleh kakitangan dari Pejabat Hutan Daerah Perlis Selatan. Sepanjang program berlangsung, sebanyak 60 anak pokok telah berjaya ditanam yang terdiri daripada spesis hutan bernilai tinggi iaitu Kelat paya (S*yzygium campanulatum*), pokok Sakura (*Tabebuia pentaphylla*), pokok Semarak api (*Delonix regia*) dan pokok *Tecoma stans*.

Turut hadir memberi sokongan ialah Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Perlis dan Encik Muzani Saad, Penolong Pemelihara Hutan (Silvikultur) yang bersama-sama peserta dalam aktiviti penanaman dan sesi perkongsian berkaitan kepentingan spesis yang ditanam.

Program ini mencerminkan komitmen bersama institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan dalam usaha mempertingkatkan litupan hijau negara, menyumbang kepada keseimbangan ekosistem serta mewujudkan kesedaran awam terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.



Sesi tanaman pokok di sekitar kampus




Majlis perasmian penutup

## KEM BIODIVERSITI SEKOLAH RENDAH SIRI 2 2025 : EKSPLORASI FLORA DAN FAUNA

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Aktiviti Penerokaan Gua Wang Burma



Penyampaian Sijil Penyertaan


### WANG KELIAN, 18-20 JUN 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah menganjurkan Kem Biodiversiti Sekolah Rendah Siri 2 2025: Eksplorasi Flora dan Fauna bermula pada 18 hingga 20 Jun 2025 bertempat di Kompleks Ekopelancongan Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, Perlis.

Seramai 40 peserta dari sekolah rendah yang terpilih antaranya dari Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Dato' Wan Ahmad, SK Dato' Kayaman, SK Bintong, SK Santan, SK Chuping dan SK Abi. Turut serta kem ini ialah guru-guru pengiring dari setiap sekolah.

Pelbagai pengisian aktiviti yang menarik telah diadakan sepanjang kem ini berlangsung antaranya ialah Ceramah Sayangi Alam Sekitar yang telah disampaikan oleh Encik Rosyafarid daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perlis, pengenalan kepada tumbuhan (Herbarium), pengenalan kepada kaedah persampelan dan jenis serangga, *night trekking* dan *Insect Hunting*, *Forest Clean Up* serta meneroka ke Gua Wang Burma. Perasmian penutup dan sesi penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pegawai Hutan Daerah Perlis Utara.

Penganjuran kem ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta memupuk minat terhadap alam semula jadi melalui pendekatan pembelajaran secara langsung di lapangan.



Aktiviti *Forest Clean Up*



Ceramah dan amali kitar semula kertas oleh JAS



Persembahan berkumpulan



Pengenalan kepada herbarium



*Insect Hunting* & *Night Walk*

## KEM BIODIVERSITI PRA SEKOLAH 2025 : KENALI BIODIVERSITI

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis




Sesi bergambar bersama peserta kem dari Pra Sk Bintong




Sesi bergambar bersama peserta kem dari Pra SK Abi

### KAKI BUKIT, 24 DAN 25 JUN 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis telah menganjurkan Kem Biodiversiti Pra Sekolah 2025: Kenali Biodiversiti pada 24 dan 25 Jun 2025 bertempat di Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam, Kaki Bukit, Perlis.

Kem Biodiversiti ini telah dianjurkan untuk memberi pendedahan seawal usia masih kecil. Usaha ini melibatkan penyertaan dari dua (2) Pra Sekolah terpilih di negeri Perlis. Seramai 17 peserta dari Pra Sekolah Kebangsaan (SK) Bintong dan 24 peserta dari Pra Sekolah SK Abi yang terdiri daripada peserta berumur 5 dan 6 tahun.

Pelbagai pengisian dan program yang menarik telah diadakan sepanjang kem ini berlangsung antaranya ialah pengenalan kepada biodiversiti, meneroka ke Gua Kelam 2, ekplorasi di Galeri 3D Gua Kelam, Rumah Cermin serta pertandingan mewarna.

Majlis perasmian penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pengawas Hutan, Pejabat Hutan Daerah Perlis Utara.

Penganjuran kem ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memberikan pendedahan awal dalam kalangan pelajar tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta memupuk minat terhadap alam semula jadi melalui pendekatan pembelajaran secara langsung di lapangan.



Lawatan ke Rumah Cermin



Aktiviti mewarna



Taklimat ketika aktiviti meneroka Gua Kelam 2



Sesi pengenalan kepada biodiversiti




Ekslorasi di Galeri 3D Gua Kelam

# BENGKEL PENUBUHAN JAWATANKUASA DAN PENGUMPULAN DATA PROJEK PS-FORCE

Disediakan oleh: Puan Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Jabatan Perhutanan Negeri Perlis



Sesi bergambar bersama semua peserta bengkel




Upacara perasmian bengkel disempurnakan oleh
Pengarah Perhutanan Negeri Perlis

## KAKI BUKIT, 27 DAN 28 JUN 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan bengkel penubuhan jawatankuasa dan pengumpulan data projek Ps-FORCE bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Ekopelancongan Gua Kelam, Kaki Bukit, Perlis bermula pada 27 dan 28 Jun 2025.

Antara objektif bengkel ini diadakan adalah sebagai satu inisiatif dengan melibatkan Kakitangan Jabatan dan Komuniti Hutan Negeri Perlis melalui projek jangka sederhana yang dapat meningkatkan ekonomi di bawah konteks pembangunan pelancongan secara positif dan mampan. Penglibatan Komuniti Hutan Negeri Perlis, mereka akan dibekalkan dengan ilmu pengetahuan serta bimbingan untuk membangunkan produk mereka secara kolektif agar ia dapat dikembangkan sekaligus berperanan sebagai ejen perubahan yang signifikan kepada kemajuan industri pelancongan negeri Perlis.

Upacara perasmian bengkel ini telah disempurnakan oleh Encik Ag. Shaffie Ag. Ahmadni, Pengarah Perhutanan Negeri Perlis. Sebanyak sembilan (9) komuniti terdiri daripada Perlis *Nature Xplorer* (PNX), Perlis *Climbers* (PC), Komuniti Kaki Bukit (KKB), Persatuan Rekreasi Bukit Jernih (PRBJ), *Hikers* Perlis (Hips), Persatuan Rekreasi Titi Tampang (Sahabat BJ), Komuniti Wang Kelian, Malim Gunung Perhutanan Negeri Perlis (MGP Perlis) dan Komuniti Nakawan.




Sesi bengkel dan pengumpulan data di kawasan lapangan

# JPN PULAU PINANG

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 19 APRIL 2025 | PROGRAM PENANAMAN POKOK DANISCO MALAYSIA SDN. BHD. | 37 |
| 2 | 29 APRIL 2025 | PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN LAWATAN KERJA JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMANTAUAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIS-SPESIS YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA SEMPENA KEMPEN KESEDARAN BERSAMA KOMUNITI UNIT NELAYAN SUNGAI TEMBUS DI HUTAN SIMPAN PASIR GEBU, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG | 38 |
| 3 | 29 APRIL 2025 | PROGRAM LESTARI HIJAU SEMPENA HARI BUMI 2025 | 39 |

## PROGRAM PENANAMAN POKOK DANISCO MALAYSIA SDN. BHD.

Disediakan oleh: Puan Sanja a/p Boon Kong
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang




Sesi bergambar bersama kaktangan Danisco Malaysia Sdn Bhd sebelum program penanaman bermula

**NIBONG TEBAL, 19 APRIL 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kilang Perindustrian Danisco Malaysia Sdn. Bhd. telah berjaya menganjurkan Program Penanaman Pokok Sempena Hari Bumi 2025 pada 19 April 2025 bertempat di Taman Negeri Bukit Panchor, Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Sebanyak 70 batang pokok Rambai, Kundang, Meranti seraya, Giam lintah bukit dan Damar minyak telah ditanam di Taman Negeri Bukit Panchor. Program ini melibatkan penyertaan seramai 50 peserta di kalangan pengurusan tertinggi dan pekerja Danisco Malaysia Sdn. Bhd., pengunjung Taman Negeri Bukit Panchor dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

Pihak Danisco Malaysia Sdn. Bhd. melaksanakan aktiviti pembaikian kecil dan mengecat kemudahan serta kemudahan di Taman Negeri Bukit Panchor. Pihak penganjur juga menyasarkan untuk meneruskan kerjasama dan program tanggungjawab sosial korporat ini bersama pihak jabatan di masa hadapan.




Aktiviti penanaman pokok dan pembaikan kemudahan sepanjang program berlangsung

# PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN LAWATAN KERJA JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMANTAUAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIS-SPESIS YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA SEMPENA KEMPEN KESEDARAN BERSAMA KOMUNITI UNIT NELAYAN SUNGAI TEMBUS DI HUTAN SIMPAN PASIR GEBU, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG

Disediakan oleh: Puan Sanja a/p Boon Kong
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang




Sesi bergambar bersama Encik S. Siva Kumar, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Biodivesiti dan Perhutanan (BPBP), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sebelum program penanaman bermula

## SUNGAI TEMBUS, 29 APRIL 2025

Lawatan Kerja Ahli Jawatankuasa Mesyuarat Teknikal Pemantauan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesis-spesis Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara yang diketuai oleh Encik S. Siva Kumar, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Biodivesiti dan Perhutanan (BPBP), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah diadakan pada 29 April 2025 bersama komuniti Unit Nelayan Sungai Tembus Di Hutan Simpan Pasir Gebu, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.



Peserta menaiki bot bagi melawat
Hutan Simpanan Kekal yang berada berdekatan

Sebanyak 300 anak pokok Bakau minyak telah ditanam oleh semua ahli mesyuarat dan komuniti Unit Nelayan Sungai Tembus bagi tujuan menyokong Kempen Kesedaran Penanaman Pokok Bakau dan spesis-spesis yang sesuai di pesisiran pantai negara.



Pengerusi Unit Nelayan Sungai Tembus bersama Encik S. Siva Kumar, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Biodivesiti dan Perhutanan (BPBP), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

Para peserta juga dibawa menaiki bot untuk melawat Hutan Simpanan Kekal Kuala Bekah (69.798ha), Hutan Simpanan Kekal (HSK) Lahar Endin (129.107ha) dan HSK Pasir Gebu (127.585ha) yang telah diwartakan pada 15 Disember 2022 (Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 129).

Kawasan ini juga merupakan kawasan utan paya laut yang meliputi kawasan pesisiran pantai dari Teluk Air Tawar sehingga ke Kuala Muda, Penaga sepanjang lapan (8) kilometer dan telah dicadangkan sebagai '*Flyway Network Site*' atau tapak persinggahan burung hijrah yang pertama di Semenanjung Malaysia dan kedua dalam negara selepas Bako-Buntal Bay *Flyway Site Network* di negeri Sarawak.

## PROGRAM LESTARI HIJAU SEMPENA HARI BUMI 2025

Disediakan oleh: Puan Sanja a/p Boon Kong
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang




Sesi bergambar bersama kaktangan SAM Engineering Malaysia sebelum program bermula

### BALIK PULAU, 29 APRIL 2025

Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kilang Perindustrian Sam Engineering Malaysia telah berjaya menganjurkan Program Lestari Hijau Sempena Hari Bumi 2025 pada 29 April 2025 bertempat di Taman Rekreasi Anjung Indah, Balik Pulau, Pulau Pinang.

Sebanyak 745 batang pokok Merawan siput jantan, Tekoma, Kelat paya, Petai, Salam, Kemuning, Mas cotek, Jambu air, Gajus, Melur, Jering dan Tongkat ali telah ditanam di Taman Rekreasi Anjung Indah dan kawasan sekitar kilang perindustrian Sam Engineering Malaysia. Program ini melibatkan penyertaan seramai 70 peserta di kalangan pengurusan tertinggi dan pekerja Kilang Perindustrian Sam Engineering Malaysia, pengunjung Taman Rekreasi Anjung Indah dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

Pihak Kilang Perindustrian Sam Engineering Malaysia telah melaksanakan aktiviti mengecat kemudahan dan kemudahan di Taman Rekreasi Anjung Indah iaitu lukisan mural bertemakan Hari Bumi 2025. Pihak penganjur juga menyasarkan untuk meneruskan kerjasama dan program tanggungjawab sosial korporat ini bersama pihak jabatan di masa hadapan.



Gambar kenangan



Gambar kenangan bersama kakitangan
Kilang Perindustrian Sam Engineering Malaysia







Gambar sepanjang Program Lestari Hijau Sempena Hari Bumi 2025

# JPN SELANGOR

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 26 FEBRUARI 2025 | PROGRAM LAWATAN DARIPADA JABATAN PERHUTANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR | 40 |
| 2 | 16 APRIL 2025 | PAMERAN SEMPENA PROGRAM *GREEN CAMPUS* POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS) 2025 | 41 |
| 3 | 25 JUN 2025 | LAWATAN DARIPADA DELEGASI ASEAN SEMPENA MESYUARAT KE-10 *ASEAN TASK FORCE ON PEATLANDS* (ATFP) KE HUTAN SIMPAN RAJA MUSA, SELANGOR | 42 |
| 4 | 30 APRIL 2025 | PROGRAM LAWATAN KE PUSAT KECEMERLANGAN HUTAN PAYA GAMBUT DI HUTAN SIMPAN RAJA MUSA DAN SELANGOR *FRUIT VALLEY* SEMPENA PROGRAM KERJASAMA DALAM BIDANG LATIHAN PERHUTANAN ANTARA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN JABATAN HUTAN SARAWAK | 43 |

# PROGRAM LAWATAN DARIPADA JABATAN PERHUTANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh: Puan Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor




Sesi bergambar bersama peserta delegasi




Sesi bergambar di kawasan penanaman pokok

**BESTARI JAYA, 26 FEBRUARI 2025**

Jabatan Perhutanan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan ke Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut (COE), Hutan Simpan Raja Musa pada 26 Februari 2025 bertujuan untuk bertukar fikiran dan pengalaman serta mempelajari kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dalam bidang pengurusan dan pemuliharaan sumber hutan dan alam sekitar, ekopelancongan dan pengurusan sumber karbon berasaskan hutan.

Pengisian program bermula dengan penerangan mengenai pengurusan hutan paya gambut di Negeri Selangor oleh Encik Amsari bin Mahmud, Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Seterusnya, delegasi telah dibawa ke galeri pameran informasi gambut, denai interpretasi dan infrastruktur pencegahan kebakaran hutan seperti *piezometer*, *check dam* dan menara tinjau. Selain itu, delegasi juga telah didedahkan mengenai kaedah pemantauan paras air bawah tanah secara manual dan *real time* melalui sistem telemetri pemantauan paras air bawah tanah (IoT sistem) yang telah dipasang di *piezometer*.

Pasukan Pemadaman Kebakaran Hutan JPNS turut menunjukkan demonstrasi pemadaman kebakaran hutan menggunakan peralatan GS Mark 3 kepada delegasi. Akhir sekali, setiap delegasi turut diberi peluang untuk melaksanakan aktiviti penanaman pokok. Sebanyak 24 pokok pelbagai spesis (Ramin, Bekak, Ara kelepong, Kandis, Kundang dan Kelat) telah ditanam di Denai Interpretasi dengan jarak 3m x 3m.



Sesi penanaman pokok di Denai Interpretasi



Sesi lawatan ke Menara Tinjau




Taklimat ringkas di penanda risiko kebakaran tanah gambut




Sesi penyerahan cenderahati kepada wakil Jabatan Perhutanan Negara Brunei Darussalam

## PAMERAN SEMPENA PROGRAM *GREEN CAMPUS* POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH (PSIS) 2025

Disediakan oleh: Puan Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor



Sesi bergambar bersama peserta delegasi



Sesi bergambar di kawasan penanaman pokok

**SUNGAI AYER TAWAR, 16 APRIL 2025**

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) telah terlibat dalam pameran yang dianjurkan oleh *Centre of Environmental Technology* (CENTA) & *SmartGreen* Politeknik Sultan Idris Shah sempena program *Green Campus* Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) 2025 pada 16 April 2025 bertempat di Dewan Seri Lang, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Ayer Tawar, Selangor.

Melalui pameran ini, pegawai JPNS telah memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat awam khasnya pelajar politeknik mengenai peranan JPNS dalam memastikan hutan sentiasa terpelihara, kepentingan hutan, perkara yang dilarang di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK), denda yang dikenakan jika melakukan perbuatan terlarang di dalam HSK, kaedah menanam pokok, memberi pendedahan mengenai cara mengenal pokok melalui pengecaman kayu dan kepentingan pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang.

Pameran ini turut disertai oleh tujuh (7) pempamer dari pelbagai agensi dan NGO yang berkaitan iaitu JPNS, Majlis Daerah Sabak Bernam, Suncrox Sdar, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Jabatan Alam Sekitar, SWCrop, HEP, PSIS dan Kuis Pameran.

Pameran ini telah menarik minat pengunjung dari pelbagai peringkat umur serta latar belakang. Ia telah memberi kesedaran mengenai kepentingan hutan dan memberi ilmu baru kepada pengunjung. Pelbagai persoalan mengenai bidang perhutanan telah ditanya sepanjang pameran ini berlangsung. Berlansungnya pameran ini, masyarakat juga akan mendapat maklumat dan pengetahuan yang terkini khususnya berkaitan bidang perhutanan. Pameran seperti ini perlu dilakukan dengan lebih kerap pada masa depan agar kesedaran mengenai kepentingan hutan dan perasaan sayangi hutan tersemat dalam hati setiap individu.



Pengecaman kayu oleh pelajar politeknik



Sesi lawatan pelajar politeknik



Penerangan berkaitan mengenal spesis pokok



Penerangan kepentingan hutan

# PROGRAM LAWATAN KE PUSAT KECEMERLANGAN HUTAN PAYA GAMBUT DI HUTAN SIMPAN RAJA MUSA DAN SELANGOR *FRUIT VALLEY* SEMPENA PROGRAM KERJASAMA DALAM BIDANG LATIHAN PERHUTANAN ANTARA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DAN JABATAN HUTAN SARAWAK

Disediakan oleh: Puan Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor




Sesi bergambar bersama peserta lawatan




Sesi bergambar di depan Rumah Kampung

**BESTARI JAYA, 30 APRIL 2025**

Satu lawatan yang melibatkan 17 orang peserta daripada Jabatan Hutan Sarawak telah diadakan di Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut (COE), Hutan Simpan Raja Musa pada 30 April 2025 (Rabu).

Lawatan ini bertujuan untuk bertukar fikiran dan pengalaman serta mempelajari kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dalam bidang pengurusan dan pemuliharaan bagi sumber hutan dan alam sekitar, eko-pelancongan serta pengurusan sumber karbon berasaskan hutan.

Pengisian program melibatkan ucapan alu-aluan daripada Tn. Amsari bin Mahmud, Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Selangor diikuti oleh ucapan daripada Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad, Pengarah Jabatan Hutan Sarawak selaku Ketua Delegasi. Pengisian seterusnya adalah taklimat mengenai pengurusan hutan paya gambut di galeri pameran, lawatan dan penerangan mengenai infrastruktur pencegahan kebakaran hutan di menara tinjau, *piezometer*, sistem telemetri *Internet of Things* (IoT), semakan empangan serta demonstrasi peralatan pemadaman kebakaran hutan (GS Mark III). Selain itu, turut diadakan aktiviti penanaman pokok.

Lawatan seterusnya adalah ke projek *Agroforestry Selangor Fruit Valley*, Hutan Simpan Rantau Panjang. Peserta telah mendengar taklimat pengurusan mengenai Selangor *Fruit Valley* dan berpeluang melawat kawasan pertanian yang berkonsepkan agropelancongan dan melawat ladang buah-buahan tempatan.



Demonstrasi peralatan pemadaman kebakaran hutan (GS Mark 3)



Sesi taklimat berkaitan mempromosikan agropelancongan dengan memperkenalkan hasil tempatan, warisan pertanian dan keindahan ladang tropika Malaysia



Sesi bergambar di kawasan penanaman pokok



Sesi penyerahan cenderahati kepada Pengarah Jabatan Hutan Sarawak

# LAWATAN DARIPADA DELEGASI ASEAN SEMPENA MESYUARAT KE-10 *ASEAN TASK FORCE ON PEATLANDS* (ATFP) KE HUTAN SIMPAN RAJA MUSA, SELANGOR

Disediakan oleh: Puan Debora Belawan
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor




Ucapan alu-aluan oleh Tuan Azhar bin Ahmad,
Pengarah Jabatan Perhutanan, Negeri Selangor



Sesi penyerahan cenderahati kepada wakil delegasi
Encik Siva Kumar a/l Solay Rajah, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam

**BESTARI JAYA, 25 JUN 2025**

Satu lawatan tapak telah diadakan di Pusat Kecemerlangan Gambut, Hutan Simpan Raja Musa, Selangor yang melibatkan seramai 50 orang delegasi ASEAN bersempena dengan Mesyuarat Ke-10 ASEAN *Task Force On Peatlands* (ATFP) pada 25 Jun 2025 (Rabu).

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mempromosikan usaha berterusan Malaysia dalam pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem gambut kepada delegasi yang terlibat. Sesi lawatan ini turut berperanan mengetengahkan inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystem in* Malaysia (SMPEM).

Lokasi ini dipilih kerana Negeri Selangor merupakan negeri yang melaksanakan Pelan Pengurusan Bersepadu (IMP) Hutan Paya Gambut yang efektif dan usaha ini memberi impak positif kepada kerajaan Negeri Selangor. Selain daripada itu, lokasi ini juga merupakan salah satu lanskap kajian bagi projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems* in Malaysia (SMPEM): *Rehabilitation of* Raja Musa *Forest Reserve* yang dibiayai oleh pihak *Global Environment Facility* (GEF) dan *International Fund For Agricultural Development* (IFAD).

Pengisian program melibatkan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, tayangan video pengurusan hutan paya gambut di Selangor dan lawatan ke lima (5) *check point* (pemantauan paras air bawah tanah melaui 'IoT sistem' dan lapisan tanah gambut, pemantauan melalui menara tinjau, demonstrasi pemadaman menggunakan peralatan pemadaman dan pemantauan kualiti air gambut, penerangan IMP di galeri pameran dan interpretasi denai serta aktiviti menanam pokok).

Program lawatan ini merupakan anjuran bersama Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in* Malaysia (SMPEM) Negeri Selangor.



Sesi penanaman pokok bersama peserta Delegasi Asean T*ask Force On Peatlands* (ATFP)




Sesi bergambar di kawasan penanaman pokok




Sesi bergambar bersama peserta di Pusat Informasi Gambut



Peserta yang terlibat dalam Program Delegasi Asean *Task Force On Peatlands* (ATFP)

# JPN

# WILAYAH PERSEKUTUAN

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 11 JANUARI 2025 | PROGRAM SUKARELAWAN ALAM SEKITAR BERSAMA PUSAT ASASI BAHASA DAN PENGAJIAN AM, UNIVERSITI CYBERJAYA (UOC) DAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN | 44 |
| 2 | 26 JANUARI 2025 | PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA CSR COOPCARE PENCAHAYAAN *CANOPY WALK* BERSAMA ANGKASA SEMPENA TAHUN KOPERASI ANTARABANGSA (IYC) 2025 & S@TER SIRI 1 DI TERKL | 45 |
| 3 | 21 FEBRUARI 2025 | MAJLIS PERASMIAN PENGOPERASIAN PEJABAT HUTAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PHWPL), JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JPWP) | 46 |
| 4 | 22 FEBRUARI 2025 | LAWATAN KERJA KPPSM DAN PROGRAM CEPA PEJABAT HUTAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PHWPL), JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JPWP) BERSAMA SUKARELAWAN DAN KELAB RAKAN MUDA, LABUAN | 47 |
| 5 | 25 FEBRUARI 2025 | UPACARA PELUNCURAN PENGUATKUASAAN AKTA A1667 / KAEDAH-KAEDAH PERHUTANAN NEGARA (WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2025 DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN PENGGUNAAN SISTEM iPAYMENT DI TAMAN EKO-RIMBA (TER) KUALA LUMPUR | 48 |
| 6 | 18 MAC 2025 | PROGRAM GERAK SIHAT DI TERKL (S@TER) SIRI 2 TAHUN 2025 BERSAMA KOMUNITI KEPONG DAN MANJALARA | 49 |
| 7 | 21 MAC 2025 | PROGRAM PENANAMAN POKOK SEBAGAI SIMBOLIK SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA | 50 |
| 8 | 11 APRIL 2025 | KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PENGUNJUNG DAN PERTOLONGAN CEMAS JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JPWP) BERSAMA JABATAN BOMBA PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM) | 51 |
| 9 | 27 MEI 2025 | PROGRAM EKSPLORASI EKO-PELANCONGAN DAN AMALI KONSERVASI DENAI BAGI KELAS REKREASI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DI TAMAN EKO-RIMBA KUALA LUMPUR | 52 |

# PROGRAM SUKARELAWAN ALAM SEKITAR BERSAMA PUSAT ASASI BAHASA DAN PENGAJIAN AM, UNIVERSITI CYBERJAYA (UOC) DAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JPWP)

Disediakan oleh: Encik Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan



Taklimat aktiviti lapangan komuniti alam sekitar di TERKL disampaikan oleh Encik MD Nurrahiem bin Mohd Ali, Timbalan Pengarah JPWP yang turut dihadiri mantan Timbalan Ketua Pengarah Dasar & Perancangan (TKPDP)

**KUALA LUMPUR, 11 JANUARI 2025**

Satu program bertemakan Projek Sukarelawan Alam Sekitar bersama Pusat Asasi Bahasa dan pengajian Am, Universiti Cyberjaya (UOC) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) telah diadakan pada 11 Januari 2025 di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL).

Tujuan projek ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar UOC berkenaan semangat cintakan alam sekitar dan aktiviti lapangan komuniti alam sekitar di TERKL.

Selain interpretasi pendidikan berkenaan flora dan fauna, turut diadakan sesi demontrasi penanaman dan penjagaan pokok, aktiviti penanaman 22 pokok yang terdiri daripada 20 spesis Kelat paya (*Eugenia papilose*) dan 2 pokok buah iaitu spesis Kristal (*Pometia pinnata*). Seramai 17 peserta dari UoC telah hadir serta turut hadir sama adalah YBhg. Dato' Mohd Rahim bin Rani mantan TKPDP Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan pensyarah subjek berkenaan.



Sesi interpretasi pendidikan dan demontrasi penanaman serta penjagaan pokok yang dijayakan oleh Dato' Mohd Rahim bin Rani kepada para pelajar UOC



Para peserta yang hadir

# PROGRAM PENGHIJAUAN MALAYSIA CSR COOPCARE PENCAHAYAAN CANOPY WALK BERSAMA ANGKASA SEMPENA TAHUN KOPERASI ANTARABANGSA (IYC) 2025 & S@TER SIRI I DI TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR

Disediakan oleh: Encik Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan


**KUALA LUMPUR, 26 JANUARI 2025**

Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) telah menganjurkan Program Penghijauan Malaysia dan CSR Coopcare Pencahayaan *Canopy Walk* bersama ANGKASA sempena Tahun Koperasi Antarabangsa (IYC) 2025 & S@TER Siri I di Taman Eko-Rimba KL (TERKL) bertemakan "Koperasi Membina Kesejahteraan Sejagat".

Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah, Presiden ANGKASA, YBhg. Dato' Hj. Kamarudin bin Ismail, Ahli Lembaga Pengarah ANGKASA, YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Hj. Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi & Teknikal), YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani, Pengarah Kanan Bahagian (Pengurusan Hutan), Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan, Pegawai-pegawai Tertinggi ANGKASA, Pengarah-pengarah Bahagian Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan sukarelawan Coopcare.

Program ini diadakan sebagai kesinambungan daripada program KL *Green Symphony* 2024 yang telah berlangsung sebelum ini dan meraikan sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa (IYC) 2025. Pada hari ini, sebanyak 20 anak pokok pelbagai spesis telah ditanam oleh tetamu kehormat dan sukarelawan. Selain itu, turut diadakan gimik penyerahan CSR Pencahayaan *Canopy Walk* yang diterangi oleh pencahayaan menarik sebagai salah satu daya tarikan baharu dalam TERKL.

ANGKASA bersama JPSM dan JPWP akan terus bekerjasama dalam memberi kesedaran kepada semua pihak berkaitan kepentingan penjagaan alam semulajadi terutamanya di kawasan ekopelancongan TERKL untuk kesejahteraan sejagat serta generasi akan datang. ANGKASA juga akan membantu mempromosikan TERKL menerusi pelaksanaan aktiviti yang melibatkan TERKL dari peringkat tempatan hingga antarabangsa melalui semua koperasi yang bernaung di bawahnya.



Gimik perasmian dan penyerahan CSR Pencahayaan
*Canopy Walk* sebagai salah satu usaha menjadikan daya tarikan baharu dalam TERKL




Sesi menanam anak pokok yang disempurnakan oleh
YBhg. Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah, Presiden ANGKASA




Aktiviti penanaman anak pokok bagi kempen
Penghijauan Malaysia oleh sukarelawan yang hadir

# MAJLIS PERASMIAN PENGOPERASIAN PEJABAT HUTAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PHWPL), JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JPWP)

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

## KINA BENUWA, 21 FEBRUARI 2025

YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) telah merasmikan pengoperasian Pejabat Hutan Wilayah Persekutuan Labuan (PHWPL) dalam usaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi memberi manfaat dan menjana ekonomi masyarakat setempat serta usaha menjaga kelestarian alam di peringkat kerajaan persekutuan.

Pejabat ini diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Perhutanan (Labuan), Encik Suhaidi bin Sinin bermula 1 September 2024 dan akan bertindak secara langsung dalam menyelia, mengurus dan membangunkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di WP Labuan iaitu Hutan Simpan Kina Benuwa seluas 68.281 hektar.

Turut hadir YBrs. Tn Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian (Perancangan dan Ekonomi Hutan), YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani, Pengarah Kanan Bahagian (Pengurusan Hutan), Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP), Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian, Pn. Shairunniza binti Sarkawi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan wakil dari Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.




KPPSM telah merasmikan pengoperasian Pejabat Hutan Wilayah Persekutuan Labuan




Encik Suhaidi bin Sinin, Timbalan Pengarah Perhutanan W.P Labuan (kiri) selaku pegawai yang diamanah mengurus tadbir JPWP(L)




Penerangan oleh PPNWP

# LAWATAN KERJA KPPSM DAN PROGRAM CEPA PEJABAT HUTAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (PHWPL), JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JPWP) BERSAMA SUKARELAWAN DAN KELAB RAKAN MUDA , LABUAN

Disediakan oleh:Encik Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

**KINA BENUWA, 22 FEBRUARI 2025**

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM), YBhg. Dato' Hj Zahari bin Ibrahim telah hadir menjayakan program CEPA ini bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Labuan (PL), YBrs Tn. Mohd Sukuran bin Taib dan Pengarah Perhutanan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP), Encik Azrul Ekhuan bin Eliah.

KPPSM, CEO PL dan PPNWP telah menyempurnakan aktiviti penanaman pokok dari spesis Bakau kurap dalam usaha meneruskan agenda Penghijauan Malaysia di kawasan tanah kerajaan di bawah seliaan Perbadanan Labuan yang terletak bersebelahan Hutan Simpan Kina Benuwa ini. Program CEPA dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan W.P Labuan, Perbadanan Labuan, APM Labuan dan RELA Labuan ini telah melibatkan kira-kira 50 orang sukarelawan rakan muda dan turut disertai oleh ahli mesyuarat JTTP yang bersama hadir menjayakan program CEPA ini serta turut menyertai aktiviti penanaman 100 anak pokok dari spesis Bakau kurap dan Bakau minyak. Selain aktiviti menanam pokok, para peserta telah diberi taklimat kesedaran awam dan dibawa melawat ke kawasan Hutan Simpan Kina Benuwa. KPPSM dan delegasi terlebih dahulu dibawa menyusuri Sungai Kina Benuwa untuk melihat kawasan hutan simpan tersebut dalam usaha menjaga kelestarian alam secara mampan bagi memberi manfaat dan menjana ekonomi kepada masyarakat setempat.

Turut hadir YBrs. Tn Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian (Perancangan dan Ekonomi Hutan), YBhg. Dato' Hj. Roslan bin Rani, Pengarah Kanan Bahagian (Pengurusan Hutan), Pn. Shairunniza binti Sarkawi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan wakil dari Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.




Perasmian Program Kesedaran Awam



Aktiviti senam sihat yang turut disertai oleh komuniti setempat



Para peserta yang turut hadir dalam program kesedaran awam di HSK Kina Benuwa

# UPACARA PELUNCURAN PENGUATKUASAAN AKTA A1667 / KAEDAH-KAEDAH PERHUTANAN NEGARA (WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2025 DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN PENGGUNAAN SISTEM iPAYMENT DI TAMAN EKO-RIMBA (TER) KUALA LUMPUR

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

**KUALA LUMPUR, 25 FEBRUARI 2025**

YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah menyempurnakan Upacara Peluncuran Penguatkuasaan Akta A1667/ Kaedah-Kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 dan Penggunaan Sistem iPayment di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur pada hari ini.

Peluncuran ini adalah simbolik kepada penguatkuasaan Akta A1667 dan Kaedah-Kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2025. Akta dan Kaedah ini melibatkan pindaan terhadap kuasa, denda dan hukuman serta siasatan awam sekaligus membantu Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) untuk mengurus kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan lebih cekap, efisyen dan berkesan.

Kad kuasa yang menjadi satu keperluan bagi setiap anggota penguatkuasa perhutanan dalam menjalankan tugas juga telah diserahkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP) oleh YB Menteri.

Selain itu, YB Menteri juga turut merasmikan penggunaan bayaran Sistem Terimaan Elektronik Bersepadu atau iPayment di TERKL. Sistem ini telah dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan telah diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 12 Februari 2025. Sistem iPayment ini adalah ikhtiar MADANI yang membudayakan rakyat kepada pembayaran tanpa tunai.

Turut hadir adalah YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YBrs. Puan Norsham binti Abdul Latip, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian, YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM), Ketua-ketua Pengarah dan wakil, pegawai kanan NRES dan JPSM serta pengamal media.




YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, di iringi YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta YBhg. Dato' Haji Zahari bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) dalam majlis Upacara Peluncuran Penguatkuasaan Akta A1667/Kaedah-Kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025




YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah menyempurnakan Upacara Peluncuran Penguatkuasaan Akta A1667/Kaedah-Kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025




YB Menteri diberi penerangan oleh En, Azrul Ekhwan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Negeri Wilayah Persekutuan (PPNWP) serta merasmikan penggunaan bayaran Sistem Terimaan Elektronik Bersepadu atau iPayment di TERKL.

## PROGRAM GERAK SIHAT DI TERKI (S@TER) SIRI 2 TAHUN 2025 BERSAMA KOMUNITI KEPONG DAN MANJALARA

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan



Ucapan kata aluan oleh Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan pada program S@TER Siri 2/2025 dalam usaha melestarikan alam sekitar dan menjaga kesihatan

**KUALA LUMPUR, 18 MAC 2025**

Seramai 70 orang Komuniti Kepong dan Manjalara diketuai oleh Encik Liong Kang Hui yang berkonsepkan "Hutan Bandar Bersama Komuniti" telah sudi menghadiri Program Gerak Sihat di TERKL bagi Siri 2 Tahun 2025 dalam usaha Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) menyemarakkan lagi rasa tanggungjawab dan cintakan alam dalam menjaga kesihatan serta alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat setempat.

Antara aktiviti S@TER yang dijalankan adalah seperti *pocket talk* dalam memberi maklumat dan memupuk semangat cintakan alam sekitar kepada para peserta, aktiviti penanaman anak pokok dalam usaha menjaga dan memulihkan alam sekitar, *nature education* di denai hutan dan *canopy walk* serta KUDAH/Konservasi Denai bagi melihat ekosistem flora dan fauna semulajadi yang terdapat di denai TERKL.

Selain itu pada edisi ini, JPWP juga telah menyahut seruan pihak pengurusan JPSM untuk melaksanakan Kempen *No Plastic Single Use* di TERKL melalui kaedah penyampaian kesedaran secara langsung dan edaran risalah berkaitan kempen yang turut diedarkan  oleh peserta dan staf JPWP kepada para pengunjung yang hadir dalam usaha terus demi menjaga kelestarian alam secara mampan.




Timbalan Pengarah Perhutanan (KL) Encik Md Nurraheim bin Mohd Ali (kanan) memberi tunjuk ajar dan memupuk semangat cintakan alam kepada para peserta kanak-kanak dan dewasa serta kaedah-kaedah penanaman anak pokok dalam menjaga alam sekitar



Para perserta yang hadir turut mengedarkan poster dan risalah kempen "*No Plastic Single Use*" kepada para pengunjung yang hadir di TERKL



Para perserta yang hadir dari Komuniti Kepong dan Manjalara program S@ter siri 2/2025.

# PROGRAM PENANAMAN POKOK SEBAGAI SIMBOLIK SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

**KUALA LUMPUR, 21 MAC 2025**

Sempena Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2025 di Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP), YBrs. Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan telah menanam pokok Belimbing buluh, (*Averrahoa bilimbi*) sebagai simbolik Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) Tahun 2025 yang bertemakan Hutan dan Makanan (*Forest and Foods*) di Pejabat JPWP.

Disamping itu, Encik Suhaidi bin Sinin, Timbalan Pengarah Perhutanan (Labuan), Pejabat Hutan Wilayah Persekutuan Labuan (PHWPL) juga telah menanam pokok Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) di Hutan Simpan Kina Benuwa, Labuan.

Selain meraikan sambutan HHA 2025, simbolik ini turut menyokong Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.



Encik Suhaidi bin Sinin, Timbalan Pengarah Perhutanan (Labuan), Pejabat Hutan Wilayah Persekutuan Labuan (PHWPL) turut serta menanam pokok Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) di HS Kina Benuwa, Labuan sebagai simbolik Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2025




YBrs. Encik Azrul Ekhuan bin Eliah, Pengarah Perhutanan Wilayah Persekutuan telah menanam pokok Belimbing buluh, (*Averrahoa bilimbi*) sebagai simbolik Sambutan Hari Hutan Antarabangsa (HHA) Tahun 2025

# KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PENGUNJUNG DAN PERTOLONGAN CEMAS JABATAN PERHUTANAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JPWP) BERSAMA JABATAN BOMBA PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

**KUALA LUMPUR, 11 APRIL 2025**

Kursus Kesedaran Keselamatan Pengunjung dan Pertolongan Cemas telah diadakan di Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) bersama Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Kursus ini telah disampaikan oleh pegawai Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi bertujuan mempertingkatkan kesedaran tentang keselamatan pengunjung dan kemahiran pegawai seliaan TERKL serta kesediaan staf bertugas di TERKL serta pengoperasian *Canopy Night Walk* yang dijadual akan bermula pada 19 April 2025 (Sabtu).

Selain itu, kursus ini juga memfokuskan langkah-langkah dan kaedah dalam menangani kemalangan jika berlaku kecemasan serta latihan amali pertolongan cemas kepada pengunjung serta memberikan panduan keselamatan yang jelas.

Disamping itu juga, kursus ini turut melibatkan latihan tindakan segera yang perlu diambil jika ada kecederaan berlaku kepada orang awam sewaktu mengunjungi di TERKL.



Pegawai Bomba dan Penyelamat Malaysia memberikan taklimat dan pengisian kursus kepada para pegawai dan staf yang bertugas di TERKL yang diketuai oleh En. Md Nurraheim bin Mohd Ali Tim, Timbalan Pengarah Perhutanan Kuala Lumpur



Para pegawai dan staf bertugas diberikan taklimat dan pengisian kesedaran keselamatan serta kaedah menangani kemalangan di TERKL



Semangat dan rasa tanggungjawab yang ditunjukkan oleh JPWP dalam menjaga keselamatan kepada semua pengunjung yang hadir

# PROGRAM EKSPLORASI EKO-PELANCONGAN DAN AMALI KONSERVASI DENAI BAGI KELAS REKREASI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) DI TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR (TERKL)

Disediakan oleh: Khairul Nizam bin Jamaluddin
Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan

**KUALA LUMPUR , 27 MEI 2025**

Program eksplorasi eko-pelancongan dan amali konservasi denai bagi kelas rekreasi UPM di TERKL pada 21 Mei 2025 yang telah dihadiri seramai hampir 30 orang peserta, pensyarah dan pegawai terlibat.

Tujuan program ini adalah memberi pendidikan dan amalan cintakan alam sekitar serta menjaga flora dan fauna.



Para peserta yang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Hutan




Gambar kenangan bersama pelajar UPM

# BAHAGIAN FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI

## EDISI JANUARI-JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 10 - 12 FEBRUARI 2025 | BENGKEL PENILAIAN RISIKO PENDAKIAN DAN PEMBANGUNAN PAKEJ MALIM GUNUNG PERHUTANAN | 53 |
| 2 | 25 - 27 APRIL 2025 | PROGRAM PENILAIAN DAN PENGUJIAN KOMPETENSI MALIM GUNUNG PERHUTANAN KEBANGSAAN | 54 |

## BENGKEL PENILAIAN RISIKO PENDAKIAN DAN PEMBANGUNAN PAKEJ (MGP)

Disediakan oleh: Muhammad Hanif bin Hamzah
Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri



Sesi bergambar bersama peserta  yang menghadiri Bengkel Penilaian Risiko Pendakian dan Pembangunan Pakej (MGP)

**YAN, 10 - 12 FEBRUARI 2025**

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) kini dalam usaha untuk melatih komuniti setempat dan orang asli yang aktif menjalankan aktiviti jurupandu dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagai Malim Gunung Perhutanan (MGP) yang didaftarkan JPSM. Mereka diberikan latihan asas dan lanjutan (perhutanan dan penyelamat) bagi menjadi MGP yang berkualiti, berdisiplin dan berdaya saing. Justeru itu, satu (1) bengkel Penilaian Risiko Pendakian dan Pembangunan Pakej MGP dilaksanakan. Bengkel ini adalah merupakan salah satu daripada Program Pembangunan Kemahiran Malim Gunung Perhutanan JPSM bagi tahun 2025. Objektif bengkel ini adalah membangunkan garis panduan yang seragam dalam pengurusan perkhidmatan MGP. Bengkel ini telah diadakan di Jerai Hill Resort, Kedah pada 10 hingga 12 Feb 2025.

Program ini dilaksanakan selama tiga (3) hari dua (2) malam yang terdiri daripada 70 peserta MGP di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Bengkel yang dilaksanakan adalah secara '*experiental learning*' melalui ceramah, perbincangan dan praktikal. Susulan itu, peserta diberi pendedahan modul mengenai pembangunan pakej perkhidmatan MGP, pengemaskinian profil gunung dan pembangunan skala kesukaran denai pendakaian.

Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada peserta telah diadakan di The Jerai Hill Resort, Kedah oleh Encik Mohd Yussainy bin Md Yusop, Pengarah Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri.



Bingkisan gambar sepanjang bengkel berlangsung



Taklimat dan penerangan awal mengenai Bengkel Penilaian Risiko Pendakian dan Pembangunan Pakej (MGP)

## PROGRAM PENILAIAN DAN PENGUJIAN KOMPETENSI MALIM GUNUNG PERHUTANAN

Disediakan oleh: Muhammad Hanif bin Hamzah
Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri



Peserta melakukan lafaz Ikrar Malim Gunung Perhutanan semasa Majlis Penutup

**MARANG, 25-27 APRIL 2025**

Program ini bertujuan memberi pengetahuan, pendedahan dan latihan kepada kursus dalam aspek perhutanan, persediaan sebagai MGP, melatih serta menguji MGP yang kompeten dalam menyediakan perkhidmatan juru pandu terlatih dengan menekankan kepada aspek keselamatan. Justeru itu, modul kursus ini meliputi topik *Wilderness First Aid* (WFA) dan *Wilderness Life Support* (WLS). Kursus ini dilaksanakan selama tiga (3) hari dua (2) malam yang meliputi sesi pembelajaran secara teori, lapangan dan pengujian bagi mengekalkan kemahiran yang mencukupi kepada peserta MGP.

Program penilaian dan pengujian Kompetensi Malim Gunung Perhutanan ini telah berjaya menguji seramai 400 peserta MGP secara teori dan amali melibatkan topik WFA dan WLS. Para Peserta yang berjaya lulus ujian kompentesi telah dianugerahkan kad *Wilderness First Aid* (WFA) sebagai pengiktirafan terhadap keupayaan mereka dalam mengendalikan situasi kecemasan di kawasan hutan dan pergunungan, selaras dengan keperluan standard keselamatan semasa.



Bingkisan gambar sepanjang program berlangsung

Melalui pengetahuan, pengalaman dan pengiktirafan semasa program Penilaian dan Pengujian Kompetensi Malim Gunung Perhutanan yang dilatih ini akan dapat membantu JPSM dalam pengurusan dan kawalan aktiviti pendakian gunung dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Majlis penutup dan penyampaian sijil kepada peserta telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu oleh Encik Nor Zaidi bin Jusoh, Pengarah Bahagian *Forest Eco-Park* dan Hutan Taman Negeri.



Sesi latihan *Wilderness First Aid* (WFA) dan *Wilderness Life Support* (WLS)



Taklimat dan penerangan awal mengenai Program Penilaian dan Pengujian Kompetensi MGP

# BAHAGIAN PENGURUSAN HUTAN

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 14 JUN 2025 | PAMERAN *CENTRAL FOREST SPINE* (CFS) PADA HARI TERBUKA MALAYSIA *NATURE SOCIETY* (MNS) CAWANGAN SELANGOR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA | 55 |

# PAMERAN *CENTRAL FOREST SPINE* (CFS) PADA HARI TERBUKA MALAYSIA *NATURE SOCIETY* (MNS) CAWANGAN SELANGOR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat
Bahagian Pengurusan Hutan




Sesi Perkongsian Ilmu di Pentas Utama

**KUALA LUMPUR, 14 JUN 2025**

Persatuan Malaysian *Nature Society* (MNS) Cawangan Selangor telah menjemput Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menyertai pameran sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Selangor di Taman Tugu pada 14 Jun 2025. Seksyen *Central Forest Spine* (CFS) telah ditugaskan mengendalikan pameran dengan penyertaan dua (2) pegawai sebagai pempamer.

Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut setiap 5 Jun merupakan platform global untuk meningkatkan kesedaran dan tindakan masyarakat terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Program turut dimeriahkan dengan pameran, penyerahan anak pokok secara percuma, Sesi Perkongsian Ilmu bertajuk "*Snakes, Why We Fear Them*" oleh Encik Marcus Lim: *Youngest Nature Guide*, "*Seagrass The Ocean's Secret Garden*" (Inisiatif Yayasan PETRONAS) oleh Prof. Dr. Muta Harah, Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian, UPM Serdang, "*Discovering Malaysia's Freshwater Treasures: Becoming a Citizen Scientist*" oleh Encik Muhd Azammudeen, Pengasas Bersama *Fast Genomics Solution* (M) Sdn. Bhd., "*Native or Not*?" oleh Puan Carolyn Lau, Pengurus Besar *Free Tree Society* & Pulau *Trail Programme*, *"Invisible Intruders: Microplastics in our Environment*" oleh Prof. Madya. Dr. Sarva Mangala Praveena, Jabatan Kesihatan Alam Sekitar dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM Serdang dan sesi perkongsian bersama Dr. Teh daripada *Global Peace Foundation*.




Wakil Pegawai CFS yang bertugas sebagai pempamer




Pengunjung yang melawat ke Gerai Pameran CFS

# BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 19 DAN 20 FEBRUARI 2025 | KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN IMEJ *REMOTE SENSING* DAN MAKLUMAT SPATIAL DALAM MEMANTAU SUMBER HUTAN SECARA *WEB-BASED* TAHUN 2025 | 56 |
| 2 | ARTIKEL UMUM | *DIGITAL WORKPLACE* MEMACU TRANSFORMASI SEKTOR AWAM | 57 |
| 3 | ARTIKEL UMUM | IMPAK KECERDASAN BUATAN (*ARTIFICIAL INTELLIGENCE*) DALAM SEKTOR AWAM | 58 |

# KURSUS PEMANTAPAN PENGGUNAAN IMEJ *REMOTE SENSING* DAN MAKLUMAT SPATIAL DALAM MEMANTAU SUMBER HUTAN SECARA *WEB-BASED* TAHUN 2025

Disediakan oleh: Mohamad Shahril bin Zulkifli
Bahagian Pengurusan Maklumat



Taklimat pengenalan kursus Penggunaan Imej *Remote Sensing* dan Maklumat Spatial

**KUALA LUMPUR, 19 DAN 20 FEBRUARI 2025**

Bahagian Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah berjaya menganjurkan Kursus Pemantapan Penggunaan Imej *Remote Sensing* dan Maklumat Spatial Dalam Memantau Sumber Hutan Secara *Web-Based* Tahun 2025 pada 19 dan 20 Februari 2025. Seramai 24 peserta telah mengikuti kursus ini yang dihadiri oleh pegawai daripada IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah menginterpretasi imej *remote sensing* dan maklumat-maklumat spatial dalam memantau sumber hutan dengan lebih cepat. Selain itu, para peserta juga diberi latihan secara *hands on* bagi meningkatkan pengetahuan dan memahirkan pengguna dengan modul-modul serta fungsi carian maklumat dalam sistem *Forest Monitoring Using Remote Sensing* (FMRS Plus) dan penggunaan *Platform Planet Explorer*.

Secara kesimpulannya, objektif kursus ini telah tercapai dan para peserta mendapat pengetahuan dan latihan penggunaan teknologi GIS dan RS dalam melaksanakan tugasan berkaitan di peringkat Bahagian/Unit di IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri.



Peserta melakukan latihan penggunaan aplikasi FMRS & *Planet Exlorer*




Peserta kursus yang terdiri daripada pegawai di Bahagian Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri

# *DIGITAL WORKPLACE* MEMACU TRANSFORMASI SEKTOR AWAM

Disediakan oleh: Mohamad Kamal bin Md Dahlan
Bahagian Pengurusan Maklumat



Penggunaan teknologi gajet membolehkan kolaborasi dan kerjasama dikalangan pekerja

Pendigitalan tempat kerja atau *Digital Workplace* merupakan suatu istilah yang digunakan untuk membolehan penjawat awam bekerja dengan lebih fleksibel dan efisien. Ia merupakan proses bagaimana teknologi dan amalan tempat kerja digital diperkenalkan, diterima dan digunakan secara meluas kakitangan dalam jabatan dan agensi kerajaan. Jabatan Digital Negara telah mengeluarkan garis panduan berkaitan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025. Ia menjadi teras kepada transformasi pendigitalan perkhidmatan kerajaan yang dinamik dan efisien dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat yang lebih berkesan.



Kolaborasi secara maya dengan menggunakan video *conferencing* dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja

Penggunaan aplikasi *google workspace*, sistem intranet dan aplikasi mesyuarat maya merupakan antara contoh yang praktikal dalam persekitaran tempat kerja. Faedah pendigitalisasi di tempat kerja antara lain dapat memberikan fleksibiliti dimana kakitangan boleh bekerja dari mana-mana lokasi dan lapangan atau konsep Bekerja Dari Rumah (BDR). Peningkatan produktiviti serta memacu inovasi dengan menggunakan alat digital memudahkan komunikasi, kolaborasi dan tugasan. Selain itu, penjimatan kos operasi dengan kurangnya keperluan untuk ruang fizikal pejabat, kertas dan peralatan tradisional. Menyokong kelestarian alam dengan mengurangkan penggunaan kertas dan jejak karbon kerana kurang tempoh perjalanan dan lebih banyak urusan dalam talian.



Saluran maklumat dan sumber informasi yang tersedia dan dapat diakses pada bila-bila masa dan dimana jua

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia amnya dan negara khususnya telah merubah pemikiran penjawat awam serta transformasi proses kerja perkhidmatan kerajaan agar lebih kreatif dan inovatif dalam penyediaan perkhidmatan digital yang mesra dan mudah diakses di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa oleh semua lapisan masyarakat tanpa ada yang terpinggir.

# IMPAK KECERDASAN BUATAN (*ARTIFICIAL INTELLIGENCE*) DALAM SEKTOR AWAM

Disediakan oleh: Mohamad Kamal bin Md Dahlan
Bahagian Pengurusan Maklumat



Penggunaan aplikasi AI dapat membantu mempertingkatkan kualiti dan mempercepatkan tugasan

Kecerdasan Buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) merujuk kepada kemampuan komputer untuk meniru tindakan manusia dengan menggunakan algoritma dan pemprosesan data. Ia membolehkan komputer menganalisis data, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan menghasilkan *output* yang optimum tanpa campur tangan manusia secara langsung.

Penggunaan aplikasi ChatGPT dan Co-Pilot merupakan antara contoh yang praktikal dalam persekitaran tempat kerja. Impak kecergasan buatan dalam sistem pentadbiran dan perkhidmatan awam dapat meningkat kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatan kepada orang awam. Selain itu, teknologi AI turut membantu dalam memperkukuh ketepatan pembuatan keputusan, mengoptimumkan pengurusan sumber dan mempertingkatkan pengurusan keselamatan awam. Jabatan Digital Negara (JDN) telah mengeluarkan Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam yang dirangka sebagai panduan untuk semua agensi kerajaan dalam mengadaptasi teknologi AI di agensi masing-masing. Tujuan adalah memastikan penggunaan AI dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, tanpa mengabaikan prinsip keselamatan, kebertanggungjawaban dan etika.

Kecerdasan Buatan (AI) di sektor awam semakin berkembang pesat. Ia perlu dimanfaatkan sepenuhnya agar sektor dapat membangun dengan dinamik, berdaya saing dan responsif. Namun begitu, etika dalam AI perlu diutamakan bagi tujuan memperkasakan sektor awam dengan memanfaatkan potensi teknologi AI secara bertanggungjawab sekaligus memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan.




Teknologi AI mampu menganalisis data, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan menghasilkan hasil yang optimum

# BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 17 FEBRUARI 2025 | SEMINAR '*SUSTAINABLE MANGROVE INDUSTRY: HARNESSING BIODIVERSITY FOR ECONOMIC AND ENVIRONMENTAL PROSPERITY*' | 59 |
| 2 | 18 FEBRUARI 2025 | LAWATAN KE HUTAN SIMPAN PAYA LAUT MATANG SEMPENA DENGAN SEMINAR *ON SUSTAINABLE MANGROVE INDUSTRY: HARNESSING BIODIVERSITY FOR ECONOMIC AND ENVIRONMENT PROSPERITY* | 60 |
| 3 | 26 DAN 27 FEBRUARI 2025 | *27TH MEETING OF THE ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION EXPERTS GROUP ON ILLEGAL LOGGING* | 61 |
| 4 | 23-25 APRIL 2025 | *THE 9TH MEETING OF THE ASIA-PACIFIC NETWORK FOR SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT AND REHABILITATION (APFNET) COUNCIL* | 62 |
| 5 | 20 APRIL - 4 MEI 2025 | '*TRAINING OF TRAINERS*' UNTUK MEMADAM KEBAKARAN HUTAN DI TANAH GAMBUT | 63 |

## SEMINAR '*SUSTAINABLE MANGROVE INDUSTRY: HARNESSING BIODIVERSITY FOR ECONOMIC AND ENVIRONMENTAL PROSPERITY*'

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa



Peserta seminar bergambar bersama maskot Rhizo

**KUALA LUMPUR, 17 FEB 2025**

*Seminar on Sustainable Mangrove Industry: Harnessing Biodiversity for Economic and Environment Prosperity* telah diadakan di Hotel Corus, Kuala Lumpur. Seminar ini dianjurkan oleh Kementerian Kehutanan Republik Indonesia dan Lembaga Pengkajian dan Pengembangan Mangrove (LPPM) Indonesia. Manakala, Malaysia selaku tuan rumah melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah membantu dari segi penyelarasan penganjuran bagi seminar ini.

Seminar dimulakan dengan ucapan aluan seminar yang telah disampaikan oleh Dr. Nyoto Santoso, Koordinator Projek bagi *Mangrove Ecosystem Management in the* ASEAN *Region* disusuli dengan majlis perasmian seminar yang telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Nadzmin binti Ahmad Nazir, Timbalan Setiausaha Bahagian, Seksyen Pengurusan Perhutanan, Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, selaku wakil rasmi NRES.

Seminar diteruskan dengan dua (2) ucaptama yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi & Teknikal) dan Dr. Ristiyanto Pribadi, *Director of Mangrove Rehabilitation, Directorate General of Watershed Management and Forest Rehabilitation*, Indonesia.

Seminar ini diadakan sebagai platform di kalangan Negara Anggota ASEAN untuk berkongsi maklumat hasil penyelidikan dan amalan aktiviti ekonomi daripada kawasan hutan paya laut serta amalan pengurusan baik berkaitan dengan pemuliharaan ekosistem hutan paya laut.




YBhg. Dato' Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi & Teknikal) menyampaikan ucaptama di seminar ini




Barisan penceramah yang berkongsi ilmu dan pengalaman berkaitan Hutan Paya Laut



Delegasi Vietnam yang mengambil bahagian dalam seminar ini

# LAWATAN KE HUTAN SIMPAN PAYA LAUT MATANG SEMPENA DENGAN SEMINAR *ON SUSTAINABLE MANGROVE INDUSTRY: HARNESSING BIODIVERSITY FOR ECONOMIC AND ENVIRONMENT PROSPERITY*

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa




Delegasi ASEAN mengunjungi Hutan Simpan Paya Laut Matang

Para peserta berpeluang mengikuti taklimat yang mendalam mengenai Pengurusan Hutan Paya Laut Matang yang disampaikan oleh wakil Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Taklimat tersebut memberi fokus kepada strategi dan amalan terbaik dalam pemuliharaan ekosistem paya laut yang kaya dengan biodiversiti serta peranannya dalam menyokong aktiviti ekonomi yang mampan di kawasan sekitar.

Seterusnya, lawatan diteruskan dengan satu sesi praktikal di kilang arang kayu, di mana para peserta diberi peluang untuk terlibat secara langsung dalam proses pembuatan arang kayu. Aktiviti *hands-on* ini memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang teknologi dan proses pemprosesan kayu arang yang mesra alam, selain menyedarkan mereka tentang pentingnya pemeliharaan sumber semula jadi dalam sektor perniagaan yang mampan.

Dengan lawatan ini, para peserta bukan sahaja mendapat pengalaman berharga tetapi juga memperkukuhkan jaringan kerjasama antara negara-negara ASEAN dalam usaha bersama untuk memajukan industri *mangrove* yang lebih lestari dan berdaya saing.



Lawatan ke Dapur Arang

**LARUT MATANG,
18 FEB 2025**

Satu lawatan ke Hutan Simpan Paya Laut Matang telah diadakan sebagai sebahagian daripada program *Seminar on Sustainable Mangrove Industry: Harnessing Biodiversity for Economic and Environmental Prosperity*.

Seramai 65 orang peserta yang terdiri daripada wakil Negara Anggota ASEAN, pihak urus setia, pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan wakil Persatuan Pengusaha Kayu Arang Kuala Sepetang turut serta dalam lawatan ini. Lawatan ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai pentingnya pengurusan sumber alam semulajadi, khususnya Hutan Paya Laut Matang yang menjadi contoh model pengurusan hutan yang mampan dan berdaya tahan.



Pemberian cenderahati oleh LPPM



Sesi penerangan dan pembelajran di Denai Intrepretasi

## *27TH MEETING OF THE ASIA-PACIFIC ECONOMIC COOPERATION EXPERTS GROUP ON ILLEGAL LOGGING*

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

**GYEONGJU, KOREA SELATAN,
26 DAN 27 FEBRUARI 2025**

*The 27th Meeting of the Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) *Experts Group on Illegal Logging and Associated Trade* (EGILAT) telah diadakan pada 26 hingga 27 Februari 2025 di Gyeongju, Korea Selatan dengan kehadiran 14 Ekonomi (Negara) APEC iaitu Australia, Kanada, Chile, China, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, New Zealand, Peru, Filipina, Chinese Taipei, Thailand, dan Amerika Syarikat. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Puan Noraihan Abdul Rahman, Pengerusi EGILAT.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Puan Habibah Ahmad, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf, Kementerian Perladangan dan Komoditi. Delegasi Malaysia yang turut hadir terdiri daripada wakil Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak, Lembaga Industri Kayu Malaysia (MTIB), Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) dan Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

APEC-EGILAT adalah platform utama untuk meningkatkan usaha ekonomi ahli untuk mengambil langkah konkrit untuk memerangi pembalakan haram dan perdagangan yang berkaitan, menggalakkan perdagangan hasil hutan yang diusahasil secara sah dan menyokong aktiviti pembinaan kapasiti di kalangan ahli Ekonomi APEC.



Encik Harry Yong, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menyampaikan nota intervensi bagi Malaysia semasa di *The 27th Meeting of the Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) *Experts Group on Illegal Logging and Associated Trade* (EGILAT)




Gambar berkumpulan ahli mesyuarat *The 27th Meeting of the Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) *Experts Group on Illegal Logging and Associated Trade* (EGILAT)




*The 27th Meeting of the Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) *Experts Group on Illegal Logging and Associated Trade* (EGILAT)

Program APEC-EGILAT ini memberikan peluang kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai cabaran serta amalan terbaik dalam memerangi pembalakan haram dan perdagangan hasil hutan yang tidak sah. Melalui perbincangan dan sesi perkongsian yang mendalam, peserta dapat memperkukuhkan kerjasama serantau dalam membangunkan strategi yang lebih berkesan untuk mengawal selia industri pembalakan serta menggalakkan pengeluaran dan perdagangan hasil hutan yang sah dan mampan. Selain itu, mesyuarat ini juga memberi ruang untuk pembinaan kapasiti di mana negara-negara anggota dapat mempelajari teknik dan teknologi terkini dalam pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang hutan yang akan meningkatkan keupayaan mereka untuk menangani isu-isu berkaitan pembalakan haram. Dengan ini, para peserta bukan sahaja memperoleh pengetahuan praktikal tetapi juga membina rangkaian kerjasama yang lebih kukuh dalam usaha global untuk melindungi sumber daya alam dan menyokong pembangunan ekonomi yang lebih mampan di rantau Asia-Pasifik.

# *THE 9TH MEETING OF THE ASIA-PACIFIC NETWORK FOR SUSTAINABLE FOREST MANAGEMENT AND REHABILITATION* (APFNET) *COUNCIL*

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa




Lawatan kerja di Hon Ba Nature Reserve

*The 9th Meeting of The Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation* (APFNET) *Council* telah diadakan di Nha Trang, Vietnam dari 23 hingga 25 April 2025. Forum ini dilaksanakan secara hibrid dan dikelolakan oleh Pentadbiran Perhutanan Vietnam, Kementerian Pertanian dan Alam Sekitar Vietnam.

Forum ini telah mengumpulkan 22 wakil daripada 13 ahli ekonomi dan organisasi rakan kongsi. Dr Sokh Heng (Kemboja), Pengerusi Majlis dan Encik Nishatha Edirisinghe (Sri Lanka), Naib Pengerusi, mempengerusikan bersama mesyuarat tersebut. Encik Doan Hoai Nam, Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran Perhutanan Vietnam, menyampaikan ucapan perasmian bagi pihak ahli ekonomi tuan rumah.

Pada forum ini, Dr. Sokh Heng telah dipilih semula sebagai Pengerusi Majlis sehingga tahun 2028. Forum ini juga mengambil maklum akan laporan Sekretariat mengenai kerja APFNet pada tahun 2024 dan rancangan kerja untuk 2025, menyemak dan mengesahkan Peraturan Prosedur Majlis APFNet, membincangkan Rangka Kerja Pelan Strategik APFNet 2026-2030, berkongsi pencapaian dan kemajuan kerja SANFRI dan perkongsian maklumat mengenai projek Pembangunan Pengurusan Penyertaan Tadahan Mikro di Tadahan Air Bengawan Solo (Fasa I & II) bagi memudahkan kerjasama antara Ahli Majlis dan mengesyorkan Mesyuarat Kesepuluh Majlis serta Lembaga Pengarah APFNet untuk dikelolakan oleh Sekretariat APFNet di China pada tahun 2026.




Ahli majlis bagi *The 9th Meeting of The Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation* (APFNET)

**NHA TRANG, VIETNAM**
**23-25 APRIL 2025**

Forum APFNet bersidang sekali setahun. Forum ini membincangkan mengenai hala tuju strategik, dasar dan rancangan kerja tahunan selaras dengan peraturan dan prosedur APFNet. Forum ini dianggotai oleh Ahli Majlis dan merupakan badan yang bertindak sebagai penasihat kepada Lembaga Pengarah APFNet.

Ahli majlis terdiri daripada wakil setiap pelbagai negara yang berada di Asia Pasifik. Ia terdiri daripada organisasi badan kerajaan, agensi mahupun ahli ekonomi. Penyertaan Malaysia ke APFNET adalah menjadi tanggungjawab pegawai dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) selaku ahli tetap forum ini. Manakala keanggotaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah sebagai ahli silih ganti. Mesyuarat pada kali ini dihadiri oleh Encik Harry Yong Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa mewakili Malaysia dan berperanan sebagai Pegawai Perhubungan.




Pembukaan mesyuarat disampaikan oleh Dr Guan Zhiou, Menteri Sumber Asli China dan Pengerusi Lembaga Pengarah APFNet secara sidang video




Ahli majlis didedahkan dengan lawatan tapak bagi model perlindungan hutan yang diterokai

# '*TRAINING OF TRAINERS*' UNTUK MEMADAM KEBAKARAN HUTAN DI TANAH GAMBUT

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

**BOGOR & KALIMANTAN, INDONESIA,**
**20 APRIL - 4 MEI 2025**

Pertubuhan Kerjasama Hutan Asia (AFoCO), dengan kerjasama Institut pertanian Bogor (IPB) Universiti Indonesia, Kementerian Eropah dan Hal Ehwal Luar Perancis (MOFA) dan Kementerian Perhutanan Indonesia secara rasmi melancarkan Latihan Jurulatih mengenai Pencegah Kebakaran Hutan di Tanah Gambut pada 21 April 2025 di Bogor, Indonesia. Program latihan selama dua minggu berjalan sehingga 2 Mei, mengumpulkan 19 peserta dari empat (4) Negara Anggota AFoCO - Indonesia, Malaysia, Filipina dan Timor-Leste. Encik Fadlilah Amirullah bin Mohamed, Penolong Pengarah Pengembangan dari Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan telah menghadiri sesi latihan ini mewakili penyertaan dari Malaysia.

Program latihan ini merupakan program latihan kebakaran hutan pertama yang diadakan di Indonesia anjuran AFoCO. Ianya juga merupakan simbolik ke atas peristiwa penting dalam mengukuhkan kapasiti pengurusan kebakaran dan kerjasama serantau dengan negara tuan rumah selain untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang intensif dan kolaboratif buat negara anggota. Kurikulum program ini adalah komprehensif di mana ianya direka khusus untuk menangani kebakaran tanah gambut - bagi kategori jenis kebakaran hutan kritikal yang sangat berleluasa di Asia Tenggara dan telah menjadi aktiviti utama di bawah Inisiatif Pengurusan Kebakaran Hutan di Asia (FFMA).

Umumnya mengetahui bahawa Asia Tenggara terkenal dengan pembakaran bawah tanah dengan asap tebal dan berterusan memberi kesan ke atas rentas sempadan yang luas. Kebakaran yang berpunca daripada gambut pula menimbulkan ancaman teruk kepada ekosistem hutan, kestabilan iklim dan kesihatan awam. Program latihan ini menggabungkan kuliah teori, latihan berasaskan simulasi di IPB University, Bogor dan kerja lapangan praktikal di Ketapang, Kalimantan Barat.



Sesi kuliah berkaitan *Forest Fire* oleh Pegawai Pasukan Pemadaman Kebakaran dari Negara Perancis dan Pensyarah2 dari IPB Bogor




Pembentangan dari Malaysia oleh Encik Fadlilah Amirullah bin Mohamed, Penolong Pengarah Pengembangan berkaitan Strategi Pemadaman Kebakaran Hutan dan Kebakaran Hutan di Malaysia




Penyampaian sijil penyertaan oleh pihak pengajur program setelah tamat latihan selama 2 minggu di IPB Bogor dan Kalimantan Barat, Indonesia

# '*TRAINING OF TRAINERS*' UNTUK MEMADAM KEBAKARAN HUTAN DI TANAH GAMBUT

Disediakan oleh: Nurfarhana binti Ahmad
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa

**BOGOR & KALIMANTAN, INDONESIA,**
**20 APRIL - 4 MEI 2025**

Para peserta dilengkapkan dengan peralatan dan pengetahuan untuk bertindak balas secara berkesan terhadap kebakaran yang kompleks. Majlis perasmian bagi program latihan telah diadakan di Universiti IPB, mengalu-alukan wakil daripada semua negara anggota bagi mengesahkan visi bersama untuk membina kapasiti teknikal dan institusi dalam pengurusan kebakaran hutan untuk Asia Tenggara.

Pada majlis perasmian, AFoCO telah menyampaikan *plaque* penghargaan sebagai tanda mengiktiraf sumbangan institusi kepada kejayaan penganjuran program tersebut. *Plaque* penghargaan telah dianugerahkan kepada Universiti IPB atas sokongan akademik dan logistiknya. *Plaque* penghargaan turut diberikan kepada Kementerian Perhutanan Indonesia sebagai mengiktiraf kerjasama rasmi pertamanya dengan AFoCO.

Sepanjang latihan, para peserta didedahkan kepada sesi praktikal dan berorientasikan lapangan yang meliputi topik seperti analisis tingkah laku kebakaran gambut, pengurusan air dan strategi pencegah kebakaran, penggunaan PPE dan protokol keselamatan yang betul dan latihan simulasi berasaskan senario. Mereka juga akan membentangkan kajian kes kebangsaan dan bekerja dalam kumpulan untuk membangunkan pelan tindakan khusus negara untuk pelaksanaan latihan masa hadapan.

Latihan ini bukan sahaja menangani kerumitan teknikal kebakaran tanah gambut tetapi juga mengukuhkan kerjasama serantau di bawah rangka kerja (FFMA). Ia berfungsi sebagai platform untuk pembelajaran melalui rakan sebaya, perkongsian institusi dan pembangunan kapasiti jangka panjang.




Sesi bergambar bersama pihak urusetia dari AFOCO, Pengurusan IPB Bogor, pihak kedutaan Korea Selatan serta perserta-peserta dari Negara Timor Leste, Filipina, Malaysia dan Indonesia



Aktiviti Simulasi Operasi Pemadaman Kebakaran di mana sedang bertugas sebagai Ketua Pasukan Pemadaman dan merancang operasi berdasarkan pemerhatian dari satelit (setelah mendapat koordinat dari pasukan di lapangan)



Demonstrasi simulasi pemadaman kebakaran hutan oleh pasukan pemadaman Manggala Agni

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

## EDISI JANUARI–JUN 2025

## JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

# Isi Kandungan


| BIL | TARIKH | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1 | 25 - 27 FEBRUARI 2025 | WARGA JPSM JADI *CONTENT CREATOR*! | 64 |
| 2 | 1 JUN 2025 | JPSM MERIAHKAN PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL) 2025 | 65 |

## WARGA JPSM JADI *CONTENT CREATOR*!

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam



Foto kenangan berkumpulan bersama penceramah dan peserta

**KEPONG, 25 - 27 FEBRUARI 2025**

Siapa sangka, dari hutan ke lensa — kini warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) melangkah masuk ke dunia videografi digital melalui Bengkel Videografi Kreatif: Langkah ke Arah Viraliti yang berlangsung pada 25 hingga 27 Februari 2025 di Dewan Seminar, Kepong. Seramai 25 peserta dari bahagian/unit di JPSM dan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan telah menyertai bengkel yang padat dengan ilmu ini.

Bengkel anjuran Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam ini memberi pendedahan tentang teknik rakaman menggunakan telefon pintar, pencahayaan, komposisi visual dan penyuntingan dengan fokus kepada penyampaian mesej secara kreatif dan berimpak tinggi.

Encik Zairul Eizam Abdul Rahman, Ketua Promo dan Branding TV1 dan Encik Azri Abu Hassan, pensyarah/koordinator Bidang Filem di Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Perdana, Shah Alam telah dijemput sebagai tenaga pengajar. Bengkel ini turut mengetengahkan konsep *storytelling* dan potensi tular di media sosial seperti TikTok. Kemuncak bengkel menyaksikan setiap kumpulan peserta menghasilkan video pendek sebagai projek akhir dan hasilnya adalah kreatif, menyentuh emosi, malah ada yang berjaya menyelitkan elemen humor dan mesej pemeliharaan hutan dengan begitu berkesan.

Lebih daripada sekadar kursus teknikal, bengkel ini menjadi ruang kepada JPSM untuk mempromosikan pelbagai program, aktiviti dan info jabatan secara visual, dekat dan lebih tular - hanya menggunakan telefon bimbit.



Encik Azri Abu Hassan berkongsi teknik penyampaian mesej secara kreatif dan berimpak tinggi



Encik Zairul Eizam memberi tunjuk ajar teknik suntingan berkesan kepada para peserta



Peserta membuat perbincangan secara berkumpulan dan merangka *storytelling* untuk projek akhir

# JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM) MERIAHKAN PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2025

Disediakan oleh: Alisah binti Simin
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam




Kehadiran Menteri Besar Pahang bersama pegawai tertinggi JPSM memeriahkan ruang pameran

**KUALA LUMPUR, 1 JUN 2025**

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2025 bukan sekadar tentang helaian buku — kali ini, ia turut membawa nafas segar apabila Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) turut serta memeriahkan pameran dari 23 Mei hingga 1 Jun 2025 di *World Trade Center* Kuala Lumpur.

Bertempat di *Pristine* Pahang, JPSM bergabung tenaga bersama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan PERHILITAN Negeri Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Petrosains Kuantan, Pahang. Kolaborasi ini mencerminkan semangat sehati sejiwa dalam mendekatkan masyarakat dengan khazanah hutan, biodiversiti dan usaha pemuliharaannya.

Membawa tema Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, pameran ini mengalu-alukan penyertaan orang awam untuk bersama-sama menyokong kempen penanaman pokok demi memulihara alam sekitar dan memastikan bumi terus hijau untuk generasi akan datang. Turut diketengahkan adalah projek *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) dan *Central Forest Spine* (CFS) yang menonjolkan usaha jabatan dalam mengawal perdagangan spesis terancam serta pengurusan sumber hutan secara lestari.

Sepanjang pameran di *Pristine* Pahang, JPSM mengadakan sesi *podcast* secara langsung di *Facebook* Jabatan, membawakan perbincangan pelbagai topik berkaitan perhutanan dan usaha pemuliharaan hutan. Selain itu, pengunjung yang mengikuti media sosial JPSM berpeluang menerima cenderamata eksklusif Program Penghijauan Malaysia dan CFS, sekali gus meningkatkan kesedaran serta sokongan terhadap kempen penanaman pokok.




Sesi *podcast* bersama tetamu jemputan di *Pristine* Pahang

Keseluruhannya, pameran ini berjaya menjadi platform efektif bagi JPSM menyampaikan mesej pemeliharaan hutan serta mendorong orang ramai agar lebih aktif menyokong usaha kelestarian negara. Selain itu, *Pristine* Pahang turut menerima Anugerah Reruai Agensi Kerajaan terbaik sebagai pengiktirafan terhadap penyertaan dan usaha cemerlang pelbagai agensi sepanjang pameran berlangsung.



Sesi penerangan oleh petugas kepada pengunjung pameran




Anugerah Reruai Agensi Kerajaan terbaik — simbol kejayaan kolaborasi di *Pristine* Pahang

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-26164488  Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: http://www.forestry.gov.my